

BAB 3

TANAH DAN HARTA PESAKA

Perjanjian pinjaman yang ditandatangani antara Kedah dan Siam pada bulan Jun 1905 bagi menyelesaikan krisis kewangan di Kedah dilihat oleh sesetengah pengkaji sebagai penamat fasa kerajaan bebas yang dinikmati sejak 1842.¹ Kedah kini terpaksa menerima seorang penasihat kewangan yang dilantik oleh Siam untuk membantu memulihkan semula pendapatan dan menguruskan perbelanjaan negeri.² Keberkesanan kawalan kewangan ini semakin menyerlah dengan kemasukan penjajahan British. Urusan kewangan kini dibirokrasikan sehingga sultan dan pembesar tidak lagi mempunyai kuasa ke atas hasil negeri dan pembangunan ekonomi dipergiatkan untuk meningkatkan pengumpulan modal.

Salah satu kesan penting kemasukan British ke Kedah ialah kemasukan kapitalisme yang lebih rencam melalui penyusunan semula pentadbiran, peraturan dan

¹ Sharom Ahmat 1984. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923*, Kuala Lumpur: MBRAS, Monograph no. 12, hlm. 59. Krisis kewangan bermula dua setengah dekad pertama pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Pada 1903, hutang negeri Kedah dianggarkan berjumlah \$600 ribu dan akhirnya negeri itu jatuh bangkrup pada 1904. Pada 1905, Siam telah memberi pinjaman berjumlah \$2.6 juta dengan bayaran faedah sebanyak 6 % setahun. Sharom menyifatkan penguasaan penuh dan tanpa kawalan sultan ke atas pendapatan dan perbelanjaan negeri serta kehidupan mewah baginda serta kaum kerabat sebagai salah satu sebab yang membawa kepada krisis kewangan yang teruk. Lihat juga, *CO 716 Kedah Annual Report*, September 1905 to August 1906, hlm. 9. Daripada jumlah pinjaman tersebut, sebanyak \$300 ribu diperuntukkan untuk membayar hutang peribadi Sultan dan kerabatnya.

² Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 109-128. Antara pembaharuan politik yang dibuat selepas perjanjian tersebut ialah Sultan, meskipun kekal sebagai pemerintah, namun kuasa politik dan monopolii kewangan yang dinikmati selama ini diambil alih oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang dibentuk pada 1905. Kedudukan sultan kini ialah sebagai pemerintah yang dibayar gaji. Kaum kerabat pula diberi elauan tetap. Sistem kewangan disusun semula dan kesannya ia menamatkan kerugian yang dialami daripada sistem pajakan cukai yang menjadi sumber pendapatan kerajaan selama ini yang seringkali diselewangkan oleh pemajak-pemajak Cina.

undang-undang. Sistem ekonomi yang tidak menggalakkan kemasukan pasaran bebas dan tenaga buruh seperti kerah, pajak, hamba dan orang berhutang, ampun kurnia dan keistimewaan pelepasan cukai kepada orang-orang tertentu dimansuhkan secara paksaan atau melalui undang-undang. Langkah ini dilihat memutuskan hubungan ekonomi-sosial antara pemerintah Melayu dengan rakyatnya. Rakyat kini berdepan dengan penggunaan wang dalam segala aspek kehidupan seperti bayaran cukai, sewa, sukat tanah, jual beli dan sebagainya.³ Namun sebagaimana yang ditegaskan oleh Mohd. Isa Othman, perkembangan modal digiatkan oleh British tanpa mengubah seluruh sistem masyarakat yang sedia ada.⁴ Malah setelah keperluan modal tersedia, masyarakat tempatan dibiarkan berkembang dengan sendirinya. Mungkin atas alasan seperti ini juga pengkaji-pengkaji seperti Khoo Kay Jin tidak melihat pengambilalihan kuasa oleh British pada 1909 itu sebagai titik pemisah antara yang lama dengan yang baru. Alasan beliau ialah tidak banyak perubahan besar berlaku dalam masyarakat Kedah berikutan kemasukan penjajahan. Khoo Kay Jin sebaliknya meletakkan kebijaksanaan dan kegigihan usaha pembangunan yang dilakukan oleh pemerintah Kedah sendiri sebagai asas penting yang membentuk perjalanan sejarah negeri itu.⁵

Pendapat-pendapat ini ada kebenarannya jika diteliti perkembangan seterusnya dalam pengumpulan tanah dan harta. Di zaman pra penjajahan, tanah misalnya, diperolehi oleh rakyat tanpa perlu melalui proses undang-undang. Dalam zaman tersebut konsep tanah sebagai hak milik pemerintah memang termaktub dalam sistem

³ Mohd. Isa Othman 2002. *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hlm. 58.

⁴ *Ibid.*, hlm. 57.

perundangan waktu itu.⁶ Rakyat diberi hak mengerjakan mana-mana tanah setelah meminta izin raja melalui pembesar atau ketua daerah dengan membayar cukai sebagai tanda taat setia kepada pemerintah. Bayaran ini juga dibuat melalui perkhidmatan kerah. Sistem pemilikan tanah secara teorinya sudahpun wujud di zaman pra penjajahan. Fasal 18 *Undang-Undang Kedah* salinan Ku Din bin Ku Meh, misalnya, ada menyebut tentang harga tanah dan harga surat milik tanah, pindah milik tanah dan surat putus.⁷ Pada abad ke-18, Sultan Muhammad Jiwa buat pertama kalinya memperkenalkan peraturan sukat dan hak milik tanah. Setelah tanah disukat, pemilik-pemiliknya diberi surat hak milik tanah yang mempunyai mohor sultan.⁸ Pendekata, sistem pemilikan tanah zaman tradisional berkisar kepada hubungan raja-rakyat tanpa badan khas yang mengendalikan hal tersebut.

Keadaan ini berubah dengan kemasukan penjajah. Sistem hak milik tanah secara adat didapati tidak lagi sesuai dengan sistem ekonomi bebas lalu penyelarasannya dibuat melalui badan khas iaitu Pejabat Tanah dan pengenalan enakmen tanah. Di Kedah, meskipun Pejabat Tanah yang awal telah dibentuk oleh Sultan Abdul Hamid semasa

⁶ Khoo Kay Jin 1990. "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme, 1880-1909," dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (peny.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 192.

⁷ Lihat, R. O. Winstedt 1928. "Kedah Laws," *JMBRAS*, 6(2), Tembera' Dato Seri Paduka Tuan, fasal 16. Fasal ini berkenaan hukum tanah mati dan tanah hidup. Tanah mati ialah tanah yang tidak mempunyai tanda-tanda diusahakan dan tanah ini akan kembali menjadi milik raja. Tanah hidup ialah tanah yang mempunyai tanda-tanda diusahakan seperti pugaran, tanaman dan sebagainya. Prinsip tanah milik raja ini juga terdapat dalam fasal 18 *Undang-Undang Kedah* salinan Ku Din Ku Meh. Prinsip ini mendapat sokongan pegawai British seperti Maxwell. Lihat, W. G. Maxwell 1884. "The Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of Land," *JSBRAS*, 13, hlm. 75-220.

⁸ Khoo Kay Jin 1999. "Undang-Undang Kedah dengan tumpuan khusus kepada Pengawalan Hak Milik Tanah," dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 60-67.

⁹ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis*, hlm. 42. Terdapat beberapa contoh surat milik tanah yang dikeluarkan oleh pemerintah tradisional seperti surat putus iaitu geran milik kekal. Contoh geran ini yang bertarikh 1275 H (1856) sebagai tarikh ia dikeluarkan masih ada disimpan di Muzium Negeri Alor Setar. Satu lagi bentuk hak milik tanah ialah surat kecik dan banci sewa iaitu surat keterangan yang menunjukkan tanah disewa walaupun pada hakikatnya sewa tidak dikutip. Alasannya tanah-tanah jenis ini

menaiki takhta pada 1881 namun ia dikatakan wujud secara teori sahaja kerana secara praktikal Pejabat Tanah tidak dapat berfungsi disebabkan beberapa perkara. Antaranya, ketiadaan kakitangan yang memahami selok belok pentadbiran tanah termasuk ukur tanah menyebabkan soal sempadan tanah masih tidak dapat diselesaikan dan bercelaru, tekanan daripada kelas atasan apabila mereka disyaratkan membayar hasil dan sewa tanah membuatkan rancangan sultan menjadi tidak berkesan. Penubuhan Pejabat Tanah yang berkesan hanya berlaku sebaik sahaja Majlis Mesyuarat Negeri dibentuk pada 1905 dengan sembilan Pejabat Tanah ditubuhkan iaitu di Alor Setar, Kuala Muda, Kulim, Krian, Langkawi, Siputeh, Sungai Korok, Alor Changleh dan Sungai Limau. Syed Mansor Al Jafree telah dilantik sebagai pengarahnya yang pertama.⁹ Fungsi Pejabat Tanah ini bukan sahaja untuk mengutip hasil dan cukai tanah tetapi juga menyelesaikan masalah sukat tanah dan sempadan tanah yang sering tidak wujud atau tidak sempurna. Hasil pembaharuan pentadbiran tanah ini didapati pendapatan kerajaan daripada urusan tanah semakin meningkat iaitu daripada \$10 ribu sebelum 1905 kepada \$36,344.00 dalam tempoh enam bulan selepas 1905. Pejabat Tanah juga berjaya memberi tekanan kepada rakyat supaya membayar tunggakan hasil tanah dan sewa tanah.¹⁰ Tekanan-tekanan ini, walau bagaimanapun, tidak pula mengurangkan usaha orang Melayu mengumpul kekayaan. Kaum wanita juga tidak ketinggalan dalam usaha ini malah golongan ini kelihatan begitu aktif terlibat dalam soal pengusahaan tanah dan pemilikan harta.

adalah milik pembesar yang secara automatik dikecualikan daripada cukai dan rakyat juga tidak perlu bayar sewa kerana mereka mempunyai pilihan memberi perkhidmatan kerah.

⁹ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 37 dan 121. Semasa Sultan Abdul Hamid menaiki takhta pada 1881, baginda telahpun menubuhkan Pejabat Tanah untuk memungut cukai tanah.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 121.

Wanita dan Peralihan Politik

Kecuali dalam lingkungan kerabat diraja, perubahan dalam pentadbiran dan kuasa sebenarnya tidak banyak mengganggu wanita di desa. Kehidupan harian mereka berjalan seperti biasa. Walau bagaimanapun, kaum wanita tetap mendapat manfaat daripada perubahan peraturan dan undang-undang. Misalnya, penghapusan amalan orang berhutang pada Julai 1910 berikutan pengenalan Enakmen Orang Berhutang 1910 bukan setakat mengembalikan semula penyatuan sebuah keluarga tetapi mempunyai signifikan ekonomi untuk sesebuah keluarga. Dengan pengenalan enakmen ini, semua perjanjian orang berhutang yang masih ada mestilah didaftarkan di Pejabat Tanah sebelum 1 Disember 1910. Sebarang bentuk bayaran hutang dalam amalan ini dianggap tidak sah selepas tarikh tersebut.

Cara baru juga turut diperkenalkan untuk menggantikan hutang orang yang berhutang; misalnya, melalui kerja bendang, hutang dikurangkan mengikut nilai tertentu untuk setiap relong tanah yang ditanam padi bagi sesuatu musim tanaman.¹¹ Di bawah kategori *kerja panjang pendek*, hutang dikurangkan \$2.50 sebulan untuk setiap individu dan \$5.00 untuk sekeluarga dengan belanja makan minum sekeluarga ditanggung oleh tuan mas. Untuk kategori kerja di bendang, hutang dikurangkan sebanyak \$2.00 untuk setiap relong yang ditanam dengan padi pada suatu musim penanaman padi. Segala peralatan, makan dan minum ditanggung oleh tuan mas. Sementara itu untuk kerja tunggu dusun, hutang dikurangkan pada nilai tetap \$1.00 sebulan. Perbelanjaan makan minum pula tidak ditanggung oleh tuan mas. Satu keputusan yang paling serius berhubung usaha menamatkan amalan ini dibuat oleh kerajaan pada Julai 1912 apabila

¹¹ CO 716 *Kedah Annual Report for the year 1327 (January 1909 to January 1910)*, hlm. 60-62.

Majlis Mesyuarat Negeri bersetuju membayar hutang orang berhutang hanya tinggal sebanyak \$5000.00 kepada tuan mas dengan menggunakan peruntukan belanjawan negeri. Sehubungan dengan itu orang berhutang dan tuan mas diminta hadir di mahkamah untuk membuat tuntutan bayaran daripada kerajaan.¹²

Langkah membendung amalan orang berhutang sebenarnya telah bermula sebelum kedatangan British lagi. Ia digerakkan oleh Sultan Abdul Hamid yang membuat peraturan pada 21 Disember 1892 bahawa kesemua perjanjian orang berhutang perlu didaftarkan di Pejabat Tanah di daerah tempat tinggal masing-masing. Denda sebanyak \$25.00 dikenakan ke atas pemegang perjanjian orang berhutang yang gagal berbuat demikian. Ini diikuti pula dengan tindakan Sultan Abul Hamid memerdekaan seorang gundiknya yang bernama Sopiah pada tahun 1907. Tindakan ini ternyata didorong oleh keinsafan dan kesedaran agama.¹³ Meskipun sultan berharap ramai yang akan mengikut jejak langkah baginda namun ia tidak semudah yang disangkakan kerana kebanyakan tuan mas terdiri daripada kalangan kerabat diraja sendiri yang tentunya tidak senang dengan perubahan tersebut. Sultan Abdul Hamid juga pernah membebaskan dua orang berhutang yang lain setelah mendapati berlaku penganiayaan terhadap mereka. Apa yang menarik perhatian ialah kedua-dua orang berhutang tersebut adalah milik Che Manjalara, isteri sultan sendiri.¹⁴ Daripada perspektif kaum bangsawan, penghapusan orang berhutang bermaksud saiz keluarga semakin berkurangan, banyak kerja menjadi terbengkalai dan pendapatan semakin

¹²Ibid. Lihat juga, *High Commissioner's Despatches 595, "Proclamation abolishing the system known as "debt-bondage" in Kedah. Report signing of - by the Sultan."* Cara baru yang diperkenalkan untuk menyelesaikan hutang orang-orang berhutang juga dibincangkan oleh Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 134.

susut. Namun ia tidak sama sekali menukarkan ciri-ciri kehidupan mereka. Malah di Alor Setar, selepas amalan orang berhutang dihapuskan, ramai keluarga bangsawan dan pertengahan mengambil beberapa orang lelaki, wanita dan kanak-kanak sebagai pembantu rumah. Kebanyakan mereka tidak dibayar upah kerana segala keperluan makanan dan pakaian ditanggung oleh tuan rumah. Kejadian ini berlaku tanpa pengetahuan kerajaan dan juga adakalanya berlaku secara sukarela. W. G. Maxwell, Penasihat British pertama ke Kedah (1909-1914) melaporkan seringkali berlaku orang berhutang memilih untuk tinggal bersama-sama tuan mas kerana sudah biasa dengan kehidupan yang mereka lalui.¹⁵ Lagipun sebagai orang berhutang, kehidupan mereka tidaklah begitu tertekan kerana adakalanya keperluan tempat tinggal dan makanan disediakan oleh tuan mereka.

Kenyataan Maxwell berkemungkinan benar jika ditinjau dari sudut desakan hidup keluarga miskin, namun tanpa bukti yang kukuh amatlah sukar menerima hakikat bahawa orang yang terlibat dalam amalan itu menolak pembebasan untuk diri mereka sendiri. Malah beberapa dokumen yang ditemui menunjukkan keadaan sebaliknya. Misalnya, pada tahun-tahun selepas Enakmen Orang Berhutang 1910 diperkenalkan, ada orang berhutang membuat rayuan kepada kerajaan agar diri mereka sekeluarga dibebaskan daripada hutang-piutang.¹⁶ Sistem itu juga sebenarnya terdedah kepada

¹³ SMSAH, T. H. 1323 – 1325 T. M. 1905-1907, No. 10, 4 Jamadilawal 1325, 14 Jun 1907. Lihat juga, CO 716 *Kedah Annual Report for the year 1327 (January 1909 to January 1910)*, hlm. 61.

¹⁴ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 45.

¹⁵ W. G. Maxwell 1958. "Memories of the First British Adviser, Kedah," MIH, 4(2), Julai, hlm. 15.

¹⁶ Kebanyakan fail yang ditemui dalam bentuk kulit sahaja. Namun catatan di kulit fail adakalanya memberi maklumat penting. Lihat, antaranya, SUK Kedah 916/31 *Tuan Adviser 8.3. 1331 Hudoh orang berhutang Tengku Mohamad pinta hendak melepas daripada jadi orang berhutang; SUK Kedah 1074/31 Abdullah bin Itam, Kanchut, 25.3.1331 Abdulah dan Johara, perempuannya dan Pian dan Li, anak-anaknya, berempat orang berteriak daripada fasal ia apa jadi orang berhutang kepada Tuan Saripa Siha; SUK Kedah 1133/31 Mat Jusoh, Alor Merah. Teriak dari apda pasal ia apa jadi orang berhutang*

pemerasan tanpa tentangan oleh pihak yang berhutang. Berdasarkan laporan W. G. Maxwell, pada 1910 terdapat 980 urusan (*transaction*) yang melibatkan orang berhutang didaftarkan di Pejabat Tanah Kota Setar, 11 di Kubang Pasu dan dua di Kuala Muda, sementara di daerah-daerah lain tiada pendaftaran dibuat. Namun ini tidak bermakna angka tersebut tepat dan tidak juga bermakna amalan itu tidak berlaku di tempat yang tiada pendaftaran orang berhutang. Maxwell sendiri mengakui beliau tidak menjumpai apa-apa rekod tentang penamatan perjanjian hutang ekoran kematian orang yang berhutang, tentang jumlah bayaran hutang yang telah dibuat, atau rekod tentang susut masa dan susut nilai hutang. Malah beliau mendapati banyak perjanjian dibuat secara lisan dan jika bertulis, banyak pula yang tidak didaftarkan. Fenomena ini kerap berlaku terutamanya apabila pemutang itu terdiri daripada kerabat diraja. Maxwell mengakui sukar mendapatkan angka sebenar perjanjian bentuk ini tetapi menganggarkan jumlahnya mencecah 200 atau 300 orang.¹⁷

Dalam konteks kedudukan sosial kaum wanita, penghapusan amalan orang berhutang ini meninggalkan kesan yang amat besar terutamanya dari segi memiliki kembali kebebasan diri. Meskipun jarang-jarang sekali ditemui aduan oleh orang berhutang, namun apabila aduan dibuat ia seringkali datang daripada orang berhutang wanita. Pada 1910, W. G. Maxwell menerima surat petisyen daripada empat orang wanita yang menjadi orang berhutang. Dua daripadanya datang daripada wanita yang telah kematian suami dan bercadang untuk berkahwin lain. Namun begitu bakal suami

serta anak bininya kepada Che Ahmad di Alor Merah; SUK Kedah 1212/31 Abdullah bin Mat Hassan dan perempuannya Yah bt. Lebai Saad orang berhutang Che Laraseh pinta kerajaan lepaskan mereka itu daripada berhutang; SUK Kedah 1266/31 Lebai Bakar, Alor Setar 2.4.1331 Lebai Bakar dan perempuannya To' Mala orang berhutang Che Ahmad pinta dilepaskan daripada hutang ia apa itu; dan

enggan mengambil alih hutang mereka. Aduan yang ketiga datang daripada seorang wanita yang tidak kuat semangat dan menurut Maxwell akan hidup melarat jika dihalau tuannya. Aduan keempat pula datang daripada seorang wanita yang mengadu telah dipukul dengan teruk oleh tuannya kerana berlaku sumbang.¹⁸ Meskipun statistik orang berhutang (termasuk wanita) tidak mudah diperolehi, namun Maxwell, melalui pemerhatiannya, tidak menolak bahawa di dalam rumah orang kaya di negeri itu, terdapat sejumlah wanita dan kanak-kanak yang merupakan waris atau keturunan orang berhutang yang berkhidmat dirumah tersebut sebagai pembantu rumah.

Walau bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak perempuan yang dibawa bekerja di rumah pembesar berpunca daripada amalan orang berhutang. Adakalanya ia juga berpunca daripada faktor kemiskinan yang menyebabkan wanita yang tidak bersuami menyerahkan anak-anak mereka kepada orang lain untuk dibela agar kehidupan mereka lebih terjamin. Malah terdapat kes yang menunjukkan kanak-kanak perempuan dibawa lari oleh saudara mara yang prihatin untuk mengelakkan kanak-kanak itu dijual kepada orang yang bukan beragama Islam.¹⁹ Walaupun tidak ada kes

SUK Kedah 1267/31 Bu, Alor Setar, 2.4. 1331. Bu orang perempuan orang berhutang dan anaknya Sepiah pinta dilepaskan hutang ia apa kepada Che Ahmad.

¹⁷ CO 716 Kedah Annual Report for the year 1327, hlm. 61.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Lihat SUK Kedah 1568/1344 Governor of Selangor 28 Disember 1925. Mek Asks for the return of her daughter, Ku Minah now living with Tunku Kassim. Terdapat dua kenyataan yang bercanggah dalam kes ini. Wanita yang bernama Mek dari Selangor ini mendakwa beliau menyerahkan anak perempuannya yang baru berusia enam tahun ketika itu kepada Ku Mat (adik beradik arwah suaminya) setelah diberitahu tujuan membawa anaknya itu ke Kedah adalah atas alasan untuk menziarahi saudara mara sebelah arwah suaminya. Namun setelah lebih setahun anaknya itu tidak dikembalikan, Mek pergi ke Kedah untuk mencari anaknya dan terkejut mendapati anaknya itu berada di rumah Tunku Kassim, seorang kerabat diraja "membuat kerja seperti orang berhutang atau makan gaji ia itu dengan dudok mengasoh budak2 kechik dan bekerja panjang pendek." Ku Mat pula sebaliknya mendakwa beliau membawa kanak-kanak itu ke Kedah untuk mengelakkan dia dijual oleh Mek kepada orang kafir. Ini adalah kerana Mek telahpun menjual seorang anak perempuannya kepada seorang Siam yang tentunya akan membawa kanak-kanak ini menganut agama Buddha. Pertikaian ini berlanjutan selama empat tahun. Akhirnya setelah pertimbangan dibuat dengan campur tangan Sheikh-ul-Islam, kerajaan pada 27 Jun 1929 telah membuat keputusan

yang menunjukkan orang berhutang di Kedah dilayan dengan kejam oleh tuan mas, tetapi pihak British berusaha menghapuskan amalan ini kerana merasakan hak seorang itu telah dirampas dengan disuruh bekerja keras tanpa mendapat sebarang ganjaran. Untuk memastikan amalan ini terhapus sepenuhnya, Penasihat British mencadangkan agar surat-surat yang mengesahkan seseorang atau sesebuah keluarga itu telah bebas daripada hutang mereka (hutang-hutang telah dibayar oleh kerajaan) dan bebas mencari rezeki di mana-mana yang mereka suka diberikan kepada setiap orang berhutang dan juga bekas tuan mas masing-masing.

Selain mengecapi faedah daripada undang-undang dan peraturan, kaum wanita sebenarnya tidaklah menjauhkan diri daripada perkembangan sekeliling meskipun mereka tidak mengambil berat tentang apa yang berlaku dalam urusan kerajaan. Sebagaimana abad ke-19 kaum wanita tidak keberatan membuat aduan ke Pejabat Sultan dan mahkamah,²⁰ suasana ini tidak berubah dengan perlantikan Meadows Frost sebagai Konsul British ke Kedah pada Januari 1906. Antara 1906 hingga 1907, aduan-aduan yang kerap diterima daripada kaum wanita adalah meliputi soal permohonan surat kuasa ke atas harta pesaka suami yang lambat diluluskan mahkamah, aduan tentang hak ke atas harta pesaka suami yang telah jatuh ke tangan orang lain, anak-anak

membenarkan kanak-kanak itu terus dibela oleh Tunku Kassim dan isterinya setelah kanak-kanak itu mengaku suka tinggal dengan Tunku Kassim sekeluarga.

²⁰ Lihat SMSAH, T.H. 1304-1312, T.M. 1886-1894, No. 2, di bawah tajuk “inilah lis nama-nama orang-orang British Subjek Inggeris mengadu sama orang British Subjek juga dan yang diadu di atas orang Kedah yang sudah Tuan Skinner Konsul Inggeris hokum dan yang ditolak bicara itu ke tempat Mahkamah Kedah seperti yang tersebut di bawah ini hantar kepada Kaluang Tongka.” Misalnya, aduan seorang wanita bernama Timah terhadap Saad Tok Bauk yang dipercayai telah membunuh anak lelakinya. Lelaki ini akhirnya dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dengan dirantaikan kaki dan juga denda sebanyak \$600.00 sebagai gantirugi perbicaraan harus dibayar kepada Timah.; aduan Som yang telah dipukul suaminya telah dibicarakan dan mahkamah Kedah menjatuhkan hukuman suaminya perlu membayar harga ubat sebanyak \$30.00 dan gantirugi sebanyak \$9.00 kepada Som. Som juga dibenarkan memohon tebus talak jika dia mahu.

perempuan menuntut harta pesaka bapa mereka, aduan tentang layanan buruk bekas suami, dan kes perceraian.²¹

Wanita dan Tanah

Sebagaimana yang terbukti melalui sumber hikayat dan undang-undang tradisional Kedah, tanah merupakan sumber penting bagi kehidupan orang Melayu. Namun dengan kedatangan British kawalan dikenakan terhadap pemilikan tanah dan tanah kini perlu dipohon daripada kerajaan. Kaum wanita juga turut menghadapi perubahan ini. Mereka terus memiliki tanah dengan pelbagai cara seperti pewarisan, membeli tanah sendiri atau memohon tanah kerajaan. Tanah-tanah ini dijadikan tempat tinggal, diusahakan sebagai mata pencarian, dijual sewaktu terdesak dan juga diwariskan kepada anak cucu.

Keputusan untuk memulakan sesuatu usaha penanaman padi, iaitu satu sektor yang paling tinggi diceburi oleh wanita Melayu negeri itu, bermula di rumah dengan perbincangan antara suami isteri dan anak-anak dewasa yang diharapkan dapat membantu ibu bapa mereka. Ia melibatkan perancangan mengenalpasti tanah-tanah yang perlu dipohon kepada kerajaan samada secara perseorangan mahupun secara berkumpulan bersama-sama ahli keluarga atau dibeli daripada orang lain, dan juga perbincangan tentang modal untuk memulakan usaha tersebut. Yunus bin Man pernah memohon tanah milik kerajaan di Mukim Tawar, dalam daerah Baling, seluas empat

²¹Lihat antaranya, *High Commissioner's Office* (selepas ini dikenali sebagai HCO) 182/1906, *Consular Report for January 1906; HCO 567/1906 Diary and list of registered complaints for April 1906; HCO 1042/1906 Diary and list of registered complaints for July 1906; H.CO 1371/1908 Diary for August 1908 and list of registered complaints; HCO 78/1909 Diary and list of registered complaints for December 1908; SMSAH, T. H. 1323-1325, T. M. 1905-1907, No. 10.*

relong bersama-sama anak perempuannya yang bernama Bedah untuk dijadikan kampung tempat berdusun dan bercucuk tanam. Permohonan tanah ini dibuat pada 24 November 1934 dan diluluskan oleh kerajaan dengan harga \$10.00 serelong. Pada 1924, dua orang adik beradik iaitu Aishah dan Ismail bin Haji Seman, dari Bakai dalam daerah Baling, telah membuat permohonan tanah bersama sebanyak lima relong untuk dijadikan sawah padi dan dusun²². Permohonan ini juga telah diluluskan oleh kerajaan. Perancangan yang teliti daripada pelbagai aspek ini penting memandangkan penanaman padi sawah melibatkan kerja yang sukar, memakan masa serta seringkali berhadapan dengan risiko kemarau, serangga penyakit dan banjir. Ia merupakan satu perjudian untung nasib sekeluarga - samada usaha itu bakal berhasil, atau sekadar cukup untuk menyara kehidupan sekeluarga atau kemungkinan menjadi sia-sia. Kerja-kerja penanaman padi juga memerlukan komitmen bersama sebuah keluarga atau sekumpulan manusia. Pembinaan empangan dan terusan, dua ciri penting penanaman padi sawah, misalnya, hanya boleh dilaksanakan dan dikawal oleh sekumpulan penanam padi. Begitu juga kerja menyemai, menuai, menjaga tanaman daripada dimusnahkan oleh binatang liar, kesemuanya memerlukan satu bentuk kerjasama sesama penanam padi.²³

²² Pejabat Tanah menerima banyak permohonan secara berkumpulan samada daripada suami isteri, anak beranak dan adik beradik di samping permohonan bersama rakan-rakan sekampung. Lihat, misalnya, *LOB 1135/53* Permohonan daripada Yunus b. Man dan anaknya, Bedah bt. Yunus dari Mukim Tawar pada 24 November 1934 untuk tanah kerajaan di Mukim Tawar sebanyak empat relong untuk dijadikan kampung.; *LOB 394/42* Permohonan tiga relong tanah kerajaan di Mukim Bakai untuk bendang dan dua relong tanah dusun daripada adik beradik iaitu Aishah bt. Haji Seman dan Ismail bin Haji Seman. Contoh-contoh permohonan secara keluarga yang lain boleh ditinjau, antaranya, dalam *LOB 257/46 Timah dan Tijah bt. Abdullah, Kupang, 8.2.1346. Pinta 4 relong tanah kerajaan di Mukim Kupang perbuat bendang; LOB 1135/53 Yunus bin Man dan Bedah bt. Yunus, Tawar, Jalan Pasir, 16.8.1353. Pinta 4 relong di Mukim Tawar, Lubok Anak Batu bagi perbuat kampung; LOB 1000/53 Haji Abdullah bin Haji Salleh dan Cik Piah bt. Haji Abdullah, Bakai, Bagan Sena. Permintaan No. 231/232 tahun 1353 banyak tanahnya 10 relong di Mukim Bakai, Sungai Nau, bagi maksud kampung.*

²³ Zaharah binti Haji Mahmud 1966. "Change in a Malay Sultanate: An Historical Geography on Kedah before 1939." Tesis Sarjana, Universiti Malaya, hlm. 7.

Malah konsep penanaman padi sebagai usaha isirumah ini terus kekal di zaman selepas Perang Dunia Kedua.²⁴

Penglibatan yang serius wanita Melayu dalam sektor pertanian tidak mudah dimusnahkan dengan kemasukan teknologi yang dibawa masuk oleh kolonialisme. Dalam hal ini, ekonomi pertanian sendiri, sebagaimana yang ditegaskan Lim Teck Ghee, tidaklah begitu berkembang dalam dua dekad pertama pemerintahan kolonial.²⁵ Harapan British untuk menjadikan sektor ini sebagai penampung keperluan makanan yang mencukupi untuk penduduk Tanah Melayu sebenarnya kelihatan keterlaluan sedangkan bagi orang Melayu, kegiatan itu hanyalah untuk saradiri (kecuali di Kedah). Ia dapat diteruskan sekalipun tanpa bantuan teknologi. Tambahan pula halangan seperti penyakit tanaman, saingan daripada bidang perlombongan yang menyebabkan banyak tanah dijual kepada orang bukan Melayu, dan harga beras import yang lebih murah menyebabkan orang Melayu hanya berpuashati dengan apa yang dapat mereka hasilkan untuk keperluan hidup sehari-hari. Justeru itu masalah utama negara-negara membangun

²⁴ Lihat J. T. Purcal 1971. *Rice Economy: A Case Study of Four Villages in West Malaysia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Selain penanaman padi, ciri usaha sekeluarga ini juga kelihatan dalam penanaman getah secara kebun kecil yang telahpun muncul di Tanah Melayu sejak 1900. Orang Melayu mempunyai pandangan tersendiri terhadap penanaman getah. Mereka tidak akan meninggalkan tanaman itu sewaktu harga getah jatuh kerana sedar mungkin mereka terpaksa kembali semula ke kebun getah apabila harga getah meningkat. Mereka juga tidak keberatan meninggalkan kebun getah apabila tiba musim menanam dan menuai padi dan mengusahakan semula kebun getah apabila tidak mempunyai pekerjaan lain atau apabila mereka memerlukan wang. Secara umumnya, orang Melayu tidak pernah menganggap berkebun getah sebagai mata pencarian yang utama. Meskipun sikap dan cara ini dilihat oleh kerajaan kolonial sebagai tidak saintifik dan tidak menguntungkan namun ianya dianggap ideal oleh orang Melayu kerana mereka boleh menggunakan tenaga buruh sekeluarga. Lihat, *CO 717 Kedah Annual Report for the year 1931/32*, hlm. 19. Tanaman getah sebagai usaha keluarga ini juga sangat ditekankan dalam kajian Colin Barlow et. al 1994. *The World Rubber Industry*, London: Routledge, hlm. 38.

²⁵ Ekonomi pertanian merujuk kepada segala bentuk usaha tanah (samada tanah milik sendiri atau tanah yang disewa) secara manual. Ia bukan sahaja terhad kepada penanaman padi, getah, kelapa, sayur-sayuran dan buah-buahan tetapi juga kerja-kerja sampingan seperti menternak ayam itik, nelayan, kerja-kerja tangan dan kerja-kerja lain yang mendatangkan upah. Lihat Lim Teck Ghee 1977. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 22-23.

sebenarnya ialah masalah modal lalu negara-negara rantau ini tidak sepenuhnya dapat mengatasi masalah pertanian dengan penggunaan teknik-teknik bermodal intensif. Suasana ini menyarankan pergantungan kepada petani-petani wanita terus menjadi penting dalam pertumbuhan ekonomi pertanian negeri Kedah dalam apa jua zaman dan perubahan.²⁶

Permohonan Tanah Wanita Rakyat Biasa

Proses pemilikan tanah memperlihatkan satu bentuk hubungan yang kerap antara pemohon dengan Pejabat Tanah bermula daripada tarikh permohonan dibuat sehingga geran diperolehi. Sepanjang dekad pertama abad ke-20, Pejabat Tanah telah menerima banyak permohonan untuk mendapatkan tanah kerajaan daripada kaum wanita termasuk daripada wanita kerabat diraja. Permohonan ini dibuat secara individu dan juga secara berkongsi. Meskipun tidak dapat diperturunkan angka-angka yang menyokong fenomena wanita sebagai pemohon tanah yang aktif memandangkan tiada angka atau catatan khusus dalam laporan kerajaan tentang aspek ini, namun catatan lain dapat mengesahkan perkara ini. Indeks Pejabat-Pejabat Tanah Daerah, misalnya, boleh dijadikan panduan umum untuk melihat penglibatan wanita Melayu dalam permohonan tanah. Dalam tempoh kemelesetan ekonomi, permohonan daripada wanita Melayu semakin meningkat. Antara 1928 hingga 1929, Pejabat Tanah Baling telah menerima permohonan untuk mendapatkan tanah kerajaan daripada lebih kurang 84 orang wanita Melayu yang sebahagian besarnya datang dari Bakai dan Mukim Tawar, di daerah Baling. Jumlah ini meningkat kepada 197 permohonan pada 1930. Antara 1932 hingga

²⁶ Lihat perbincangan dalam bab empat di bawah tajuk "Wanita sebagai pekerja."

1934, Pejabat Tanah Baling menerima permohonan daripada lebih kurang 360 orang wanita Melayu untuk tujuan tersebut.²⁷

Isu kehadiran wanita di Pejabat Tanah untuk proses membuat geran tanah telah dibangkitkan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri pada 1 Ogos 1927. Ini merupakan satu lagi bukti bahawa wanita Melayu merupakan golongan yang aktif memohon tanah sehingga perkara ini telah dibincangkan di peringkat kerajaan. Kaum wanita terpaksa datang sendiri ke Pejabat Tanah untuk mengambil geran tanah kerana adanya syarat yang memerlukan kehadiran pemohon. Meskipun keadaan ini menyukarkan kaum wanita terutama dari segi penjagaan anak-anak kecil dan juga masalah tambang serta pengangkutan namun ia tidak mematahkan semangat kaum wanita. Akhirnya timbul aduan bahawa Pejabat Tanah kini penuh sesak dengan kaum wanita yang terpaksa membawa bersama anak-anak kecil mereka kerana tiada siapa yang dapat diharapkan untuk menjaga anak-anak ini di rumah. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan mengesyorkan proses menukar nama geran tanah diuruskan oleh wakil-wakil yang disahkan oleh penghulu.²⁸ Dengan perubahan syarat ini wanita tidak lagi perlu hadir ke Pejabat Tanah untuk mengambil geran tanah.

Penelitian ke atas rekod Pejabat-Pejabat Tanah Daerah turut memperlihatkan corak dan tujuan sesuatu permohonan tanah itu dibuat. Permohonan tanah oleh wanita biasa, baik secara perseorangan dan berkumpulan biasanya berlebaran sekitar serelong hingga 10 relong. Permohonan yang dibuat secara perkongsian dengan seorang atau

²⁷ Pengiraan ini adalah anggaran yang berdasarkan indeks Pejabat Tanah Baling yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

lebih rakan-rakan sekampung atau saudara mara yang kerap ditemui dalam fail-fail Pejabat Tanah menandakan wujudnya sikap permuaafakatan yang tinggi di kalangan wanita Melayu untuk meningkatkan keupayaan ekonomi diri dan keluarga.²⁹ Selain daripada permohonan biasa untuk tujuan dijadikan kampung, kebun getah, bendang dan dusun kerapkali juga ditemui permohonan untuk membayar pas ladang huma, pas tumpang, memohon pecah tanah kepada surat kecil, memohon membayar hasil dan membeli tanah yang telah diusahakan oleh waris-waris, memohon tanah yang lebih daripada surat akuan, tanah yang ditinggalkan orang, atau tanah yang dilelong kerana tidak membayar banci sewa, memohon tanah yang telah dipugar terlebih dahulu tanpa surat keterangan yang merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang British, memohon mengubah nama tanah yang dipohon oleh waris dan memohon diubah syarat tanah bendang atau kampung kepada tanah kebun getah.³⁰

²⁸SUK 375/46 *British Adviser, Kedah. 3.2.1346. Raises question of attendance of women at Land Offices for receiving new titles.*

²⁹ Untuk meneliti ciri-ciri permohonan secara berkumpulan lihat, antaranya, LOB 537/44 *Mek Jah bt. Latif dan satu kawannya, Mukim Pulai, 3.6.1344. Pinta bayar pas tumpang di atas tanah kerajaan di Mukim Pulai; LOB 905/46 Aminah bt. Abdullah dan 4 kawan, Baling, kampung Seberang, 6.2.1346. Pinta 20 relong tanah kerajaan di Mukim Baling perbuat kampung; LOB 928/50 Cik Pah bt. Ibrahim, satu kawannya, Siong, Baling, 16.10.1350; LOB 952/46 Jahara bt. Lebai Said dan satu kawannya, Pulai, 26.2.1346. Permintaan No. 1177 dan 1178 tahun 1346 banyak tanahnya 9 relong di Mukim Pulai bagi maksud bendang.*

³⁰Ditinjau berdasarkan kekerapan permohonan sedemikian yang tercatat dalam indeks fail Pejabat Tanah. Lihat, misalnya, LOB 193/45 *Cik Nai bt. Haji Hashim, Mukim Pulai, Caruk Pandit, tahun 1345. Pinta pas tumpang satu relong di atas tanah milik kerajaan hendak tanam pisang dan dirikan rumah; LOB 1385/53 Sura bt. Haji Saad, Mukim Kupang, 29.11.1358. Dipinta ubah balik namanya sendiri akan tanah-tanah yang telah dihebah kepada anaknya itu; LOB 341/48 Siti Piah bt. Yusuf, Bakai tahun 1348. Pinta tanah kerajaan 3 relong perbuat kebun getah di daerah Rambai. Permohonan daripada wanita Melayu untuk mengubah syarat tanah kepada tanah getah boleh ditinjau dalam, antaranya, LOB 121/53 Timah bt. Hussin, Bongor, Kampung Banggol Satu, 18.1.1353. Dipohon ubah syarat tanah dusun surat kecil No. 8208 kepada kebun getah; LOB 647/55 Cik Teh bt. Cik Isa, Baling, Rambung, 29.4.1355. Dipohon ubah syarat tanah kampung di Mukim Baling kepada kebun getah; LOB 653/55 Jenab bt. Salleh, Bakai, daerah Selarong, 15.4.1355. Dipohon ubah syarat tanah kampung di Mukim Bakai kepada kebun getah.. Lihat juga, P/SP2 Federal Secretariat, *Unfederated Malay State, Kedah Annual Report for the year 1337 (7 Oktober 1918-25 September 1919)*, hlm. 2. Di bawah Undang-Undang Tanah kerajaan Negeri Kedah, tanah kerajaan diletakkan di bawah tiga kategori. Tanah estet dikhaskan untuk penanaman getah, kelapa dan lain-lain pengeluaran. Tanah kampung pula dikhaskan untuk kebun-kebun kecil dan tanah bendang untuk penanaman padi. Permohonan tanah estet dikawal ketat oleh kerajaan untuk mengelakkan orang-orang Melayu meninggalkan sawah padi. Pada tahun 1919, misalnya, permohonan*

Di Kedah, fenomena permohonan tanah-tanah getah dan mengubah syarat tanah kepada tanah kebun getah secara tidak langsung memperkenalkan kesediaan wanita Melayu mengambil peluang untuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan penglibatan mereka dalam sektor ekonomi. Meskipun harga tanah mula naik kesan daripada undang-undang tanah yang telah diperkenalkan British namun perubahan dalam penggunaan tanah sebenarnya berlaku apabila pertanian getah diperkenalkan. Dengan harga getah yang melambung tinggi di pasaran antarabangsa, permintaan untuk tanah getah juga turut meningkat di negeri-negeri Melayu. Di Kedah, getah telah mula ditanam sebelum penjajahan British lagi. Pada 1905, kerajaan telah memberi 10 konsesi untuk penanaman getah yang rata-ratanya dimiliki oleh sindiket getah bangsa Eropah dan Cina. Kawasan Kedah Selatan didapati subur untuk penanaman getah. Ledakan dalam penanaman getah membawa hasil yang amat besar dalam urusan-urusan di estet dan juga permohonan untuk mendapatkan tanah bagi tujuan tersebut. Dalam tempoh sehingga kedatangan British, lebih daripada separuh estet di Kedah bertukar tangan dan syarikat-syarikat ditubuhkan di London, Shanghai, Singapura dan Pulau Pinang untuk mendapatkan estet. Kemasukan modal dan buruh dengan banyak ke Kedah Selatan amat berfaedah kepada Kedah dalam segenap perkara.³¹ Fenomena ini turut membawa peralihan dari segi pemikiran orang ramai termasuk kaum wanita terhadap tanah. Tanah kini tidak lagi dilihat sebagai “tempat cari makan” tetapi sebagai “modal” untuk keuntungan masa depan.

untuk tanah estet ditutup oleh kerajaan (kecuali dua kes) ekoran masalah kekurangan bahan makanan yang melanda Tanah Melayu ketika itu.

³¹ James F. Augustine 1996. *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah, hlm, 125-127.

Justeru itu meskipun ada sekatan dari pihak British untuk mengelakkan orang Melayu menceburi bidang penanaman getah kerana mahu mengekalkan mereka sebagai pengeluar makanan dan juga kerana perusahaan ini memerlukan modal dan terdedah kepada risiko harga yang sentiasa turun naik di pasaran namun dalam konteks wanita Kedah, permohonan untuk membeli tanah kerajaan untuk dijadikan tanah getah tetap ada sebagaimana yang dapat dikesan dalam indeks Pejabat-pejabat Tanah dari tahun 1908 hingga 1912 serta sebelum dan semasa kemelesetan ekonomi (1928-1935). Sejak tahun 1910, antara polisi pihak British untuk tidak menggalakkan orang Melayu menanam getah ialah kesemua tanah baru dicop dengan larangan menanam getah atau satu pertiga daripada tanah itu mesti ditanam dengan tanaman makanan dan selebihnya boleh ditanam getah. Kerajaan juga telah menaikkan cukai tanah getah.³² Larangan menanam getah ini terus kekal sehingga tahun 1930-an. Di Kedah, separtimana juga di negeri-negeri Melayu yang lain, salah satu kesan daripada sekatan tersebut ialah kenaikan harga tanah untuk penanaman getah. Harga tanah getah milik kerajaan berlegar di sekitar \$20-25 serelong berbanding harga tanah padi, dusun dan kampung yang hanya sekitar \$5-8 serelong. Kenaikan ini, walau bagaimanapun, tidak menghalang wanita membuat permohonan untuk mendapatkan tanah kerajaan bagi tujuan tersebut.³³

³²Ahmad Nazri Abdullah 1985. *Melayu dan Tanah*, Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., hlm. 54.

³³Sebagai contoh untuk melihat perbezaan harga tanah getah dengan tanah bendang, dusun dan sebagainya, lihat, LOB 1023/46 Cik Toi bt. Tahir, Kupang, Kampung Sedik, 23.2.1346. Permintaan no. 1272 pinta 2 relong tanah perbuat kebun getah; LOB 1010/46 Kalsom bt. Ismail, Kupang, Bukit Tinggi, 18.2.1346. Permintaan no. 1343 pinta 3 relong tanah perbuat kebun getah; LOB 1028/46 Hawa bt. Cik Hat, Kupang, Kampung Batu Tok Saba, 23.2.1346. Permintaan no. 1278 pinta 5 relong tanah perbuat kebun getah; LOB 1193/46 Zainab bt. Ismail, Kupang, Bok Baka, 18.2.1346. Permintaan no. 1584 pinta 4 relong tanah perbuat kebun getah.

Melalui rekod Pejabat-Pejabat Tanah Daerah juga dapat dikesan peringkat umur yang paling awal kaum wanita mula terlibat dalam pengusahaan tanah. Pemohon yang termuda ditemui dalam rekod tersebut sejak awal abad ke-20 ialah seorang gadis berusia 15 tahun yang bernama Kalsum bt. Ibrahim dan Siti Hawa bt. Ahmad berusia 16 tahun dari Mukim Siong, di daerah Baling. Kedua-dua mereka merupakan penanam padi. Kalsum memohon tanah kerajaan sebanyak serelong untuk dijadikan dusun sementara Siti Hawa memohon lima relong tanah untuk dijadikan kebun getah.³⁴ Walau bagaimanapun, permohonan paling kerap datang daripada wanita dalam lingkungan usia 20-an hingga 40-an yang rata-rata merupakan penanam padi. Ada dalam kalangan pemohon ini yang sudah memiliki tanah dan ada pula yang belum memiliki tanah.

Memandangkan tanah menjadi begitu penting dalam kehidupan wanita Melayu, golongan ini nampaknya tidaklah bersikap sambil lewa apabila berhadapan dengan isu-isu yang berkait dengan tanah mereka. Penelitian ke atas fail-fail Pejabat Tanah Daerah turut menonjolkan wanita Melayu sebagai golongan yang aktif menghantar surat petisyen (disebut surat teriak) apabila timbul keadaan atau jawapan yang tidak memuaskan daripada Pejabat Tanah berhubung permohonan mereka. Antara yang kerap ditemui ialah petisyen tentang tanah yang dipohon tetapi kemudiannya telah diberikan oleh Pejabat Tanah kepada orang lain, tanah usaha bapa atau waris yang, setelah disukat, didapati termasuk ke dalam tanah milik orang lain, tanah bergeran yang keluasannya menjadi susut daripada keluasan sebenar setelah disukat oleh petugas dari Pejabat Tanah, wanita menuntut gantirugi terhadap tanah milik mereka yang diambil

³⁴Lihat, LOB 277/52 Kalsum bt. Ibrahim, Mukim Siong, daerah Kampung Luar, 2.5.1352. Permintaan no. 1352 banyak tanah serelong di Mukim Siong di Caruk Corong bagi maksud dusun; LOB 479/48 Siti Hawa bt. Ahmad, Bakai, 15.3.1344. Pinta tanah kerajaan 5 relong Mukim Bakai permuat kebun getah.

oleh pihak kerajaan untuk projek tertentu dan pelbagai lagi petisyen.³⁵ Beberapa contoh diperturunkan di sini untuk memperlihatkan wujudnya kepelbagaian tujuan dan dorongan sesuatu permohonan tanah dibuat.

Dalam kes Salamah bt. Mat Daud dari Pulai, Mukim Siong, wanita ini memohon tanah bendang yang telah diusahakan oleh arwah bapanya tetapi telah dilelong oleh Pejabat Tanah kerana kegagalan bapanya membayar hasil tanah.³⁶ Pejabat Tanah Baling akhirnya meluluskan permohonan beliau dengan harga \$5.00 serelong. Permohonan tanah adakalanya melibatkan tanah yang sudah dipugar terlebih dahulu untuk suatu tempoh tanpa sebarang surat keterangan. Tanah seperti ini ditebas, dipugar dan ditanam buah-buahan, atau dijadikan tanah bendang, kebun getah dan juga tempat tinggal. Setelah sekian lama diduduki, permohonan tanah secara rasmi kemudiannya dibuat di Pejabat Tanah sebagai satu usaha untuk mengesahkan pemilikan tersebut. Permohonan dua orang wanita dari daerah Baling iaitu Wan Mek bt. Haji Wan Awang dan Cik Timah bt. Puteh³⁷ pada 1924 untuk memiliki tanah kerajaan untuk dijadikan bendang, misalnya, dibuat setelah 10 tahun mereka mengusahakan dan

³⁵Lihat antaranya, *LOB 141/48 Teh bt. Jusoh, Mukim Kupang, Kampung Sadik, 9.1.1348. Teriak daripada pasal tanah permintaannya yang dijual di dalam lelong itu; LOB 602/48 Cik Nani bt. Salleh, Ulu Siputeh, Bakai, 9.1.1345*. Teriak daripada pasal tanah suaminya di dalam permit no. 5674 Mukim Bakai, daerah Ulu Siputeh itu termasuk ke dalam tanah Penang Rubber Estate; *LOB 1126/48 Sapiah bt. Lebai Husain, Kampung Tawar, tawar, 25.2.1348. Teriak tanahnya banci sewa no.241 yang telah jadi geran itu kurang, dan SUK Kedah 142/42 Maznah bt. Syed Sheikh, Alor Setar, 25 Ogos 1923. Re her land acquired by Government as site for Balai Nobat*. Fail terakhir ini merupakan petisyen daripada Maznah bt. Syed Sheikh dari Alor Setar bertarikh 25 Ogos 1923 menyatakan rasa tidak puashati terhadap pampasan (gantirugi) yang ditawarkan oleh kerajaan terhadap tanah rumah beliau yang diambil kerajaan untuk membina Balai Nobat dan jam besar. Oleh kerana rayuan ke Mahkamah Tinggi pada 2 Ogos 1923 telah ditolak Maznah membawa perkara itu ke pengetahuan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri memohon kerajaan memberikan tanah lain kepadaanya untuk didirikan sebuah rumah tempat tinggal. Rayuan Maznah, walau bagaimanapun, ditolak oleh Majlis Mesyuarat Negeri.

³⁶*LOB 150/42 Salamah bt. Mat Daud, Bongor, daerah Tok Ghani 11.3.1342. Pinta 3 relong tanah milik kerajaan mukim Siong daerah banci Tok Pon perbuat bendang.*

³⁷Lihat *LOB 374/42 Haji/sic] Wan Mek bt. Wan Long, Pulai, 6.6.1342. Pinta 2 relong tanah milik kerajaan Mukim Pulai, daerah Kampung Pajak perbuat bendang; LOB 636/42 Cik Timah bt. Puteh,*

mengutip hasil daripada tanah bendang berkenaan. Selain daripada tanah yang diminta, kedua-dua pemohon ini juga telah memiliki tanah lain yang kesemuanya sudah dipugar.

Selain daripada itu terdapat juga kaum wanita yang mengusahakan tanah-tanah yang ditinggalkan orang, samada masih ada tanaman di atasnya atau sudah jadi “rang” (terbiar dan tidak ditanami). Ada juga yang mengusahakan tanah yang dilelong kerana terhutang benci sewa. Seorang wanita bernama Siti Ramlah bt. Haji Daud dari Sungai Limau, Mukim Pulai, daerah Baling membuat permohonan ke Pejabat Tanah Baling pada 21 April 1937 ke atas tanah kebun getah yang diusahakannya yang melebihi daripada surat akuan. Tanah ini pada asalnya telah diusahakan oleh anaknya yang telah meninggal dunia tetapi tidak termasuk dalam surat akuan semasa disukat. Oleh kerana beliau memegang kuasa ke atas tanah tersebut maka tanah itu diusahakan juga termasuk serelong tanah yang melebihi surat akuan asal. Untuk mengelakkan segala usahanya ke atas tanah tersebut menjadi sia-sia, Siti Ramlah membuat permohonan untuk memiliki tanah tersebut atas namanya. Permohonan ini mendapat perhatian Ketua Pejabat Tanah Baling yang telah mencadangkan kepada Pengarah Pejabat Tanah Kedah agar tanah itu dipulangkan semula kepada wanita berkenaan dengan diberi surat akuan yang berasingan.³⁸

Meskipun permohonan dibuat secara perseorangan dan pemohon diberikan surat kecil atas namanya dan menyatakan hasrat memugar sendiri tanah berkenaan, ia

Mukim Pulai, 17.10.1342. Pinta 2 relong tanah milik kerajaan Mukim Pulai, Charuk, hendak perbuat bendang.

tidaklah pula bermaksud wanita berkenaan mengerjakan tanah itu secara bersendirian (individu). Permohonan tanah oleh kaum wanita berkait rapat dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai sumber rezeki serta menambahkan lagi jumlah harta (tanah) yang dimiliki oleh keluarga. Banyak juga permohonan yang datang daripada wanita yang tidak mempunyai tanah tetapi membantu mengerjakan tanah suami. Catatan “memugar sendiri” yang sering terdapat dalam permohonan tanah oleh kaum wanita lebih bermaksud tanah itu akan diusaha sendiri (dalam unit keluarga) dan bukannya dipajak atau disewakan kepada orang lain. Permintaan supaya diletakkan tanah itu atas namanya pula harus dilihat sebagai usaha wanita itu untuk menambahkan harta diri dan secara tidak langsung, harta keluarga. Begitu juga permohonan secara berkumpulan tidak pula bermaksud tanah tersebut akan diusahakan secara berkelompok sebaliknya ia hanya merujuk kepada cara permohonan kerana setiap tanah yang diluluskan itu akan dipecahkan mengikut pembahagian lot masing-masing. Permohonan secara berkumpulan ini menunjukkan ada sikap suka berusaha dan bermuafakat di kalangan wanita di desa untuk memajukan diri mereka dalam sektor ekonomi. Cara ini dilihat lebih menjimatkan masa dan perbelanjaan untuk berulang alik ke Pejabat Tanah kerana ia hanya memerlukan kehadiran seorang wakil untuk membuat permohonan di Pejabat Tanah. Walau bagaimanapun, cara ini juga adakalanya menimbulkan masalah, misalnya, kerajaan tersilap memberi tanah yang lain daripada yang dipohon.³⁹

³⁸ LOB 465/56 Siti Ramlah bt. Haji Daud, Pulai, Sungai Limau, 9.2.1356. Pohon tanah kebun getah kerajaan usahanya yang lebih daripada surat kecil no. 8710 di Mukim Pulai.

³⁹ LOB 928/50 Che Pah bt. Ibrahim dan satu kawannya, Mukim Siong. Permintaan no. 59 tahun 1350 banyak tanah 5 relong Mukim Siong, Bukit Kling perbuat bendang. Adakalanya cara ini menimbulkan masalah, misalnya, kes Cik Pah bt. Ibrahim yang membuat permohonan tanah pada 1932, mengadu kepada Pejabat Tanah Baling kerana tanah yang kerajaan kurniakan kepadanya sebanyak serelong dan 130 jemba itu lain daripada tanah yang dipohon. Tanah yang dipohon itu telah berikan kepada seorang kawannya yang sama-sama memohon tanah (dalam satu permintaan). Cik Pah menyatakan kekesalan terhadap tindakan Pejabat Tanah Baling kerana tanah yang dipohon itu sebenarnya dipugar oleh orang tuanya dan dirinya.

Permohonan Tanah Wanita Kerabat

Perbezaan permohonan tanah yang dibuat oleh wanita kerabat dengan wanita biasa boleh dilihat dalam tiga aspek iaitu dari segi cara permohonan dibuat iaitu hak istimewa memohon tanah melalui “jalan kerabat diraja,” luas tanah yang dipohon dan bagaimana tanah itu diusahakan. Dengan status dan modal yang ada pada mereka, cara pawah, sewa dan mengupah orang lain mengusahakan tanah itu merupakan ciri utama usaha tanah oleh golongan ini. Tinjauan ke atas permohonan tanah wanita kerabat juga agak menarik kerana selain mempamerkan keaktifan wanita kerabat memohon tanah, tindak-tanduk mereka berhubung soal ini juga seringkali mencetuskan pelbagai kontroversi.

Permohonan tanah golongan kerabat diraja bukanlah perkara yang mudah ditangani terutama sekali kerana memang ada undang-undang yang memberi peruntukan khas kepada kerabat diraja untuk memiliki tanah di bawah *Land Revenue Exemptions Enactment*. Enakmen ini memperuntukkan anak cucu sultan berhak memiliki 500 relong tanah setiap seorang. Mereka dikecualikan daripada membayar cukai tanah.⁴⁰ Apa yang menimbulkan masalah ialah golongan ini seringkali menyalahgunakan hak keistimewaan tersebut, misalnya, tanah-tanah yang sepatutnya diusahakan untuk tujuan pertanian itu kemudiannya dijual dengan harga yang tinggi kepada orang Cina. Biasanya kerabat diraja yang terbabit akan memohon tanah-tanah yang berdekatan

⁴⁰ HCO Kedah 1078/1917 *System by which Tungkus are permitted to take up land*. Pengecualian cukai tanah ke atas kerabat diraja ini terkandung di dalam Enakmen Tanah No. 7, tahun 1332 Hijrah (1914). Lihat, HCO Kedah 1079/1915 *Kedah Annual Report for the Year 1332 (30 November 1913-18 November 1914)*, hlm. 4.

dengan projek membina jalanraya yang bakal dijalankan oleh kerajaan untuk tujuan spekulasi.⁴¹

Meskipun penyalahgunaan enakmen ini cuba dibendung oleh kerajaan namun ia tetap berlaku. Perkara seperti ini sukar dielakkan kerana permohonan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang diketuai oleh kerabat diraja sendiri. Kontroversi pernah berlaku pada tahun 1917 ekoran tindakan kerajaan meluluskan pemberian 150 relong tanah setiap seorang untuk tujuan tanaman getah kepada sembilan orang kerabat diraja. Permohonan ini diluluskan sewaktu Penasihat British, G. A. Hall sedang bercuti.⁴² Hall yang selama ini berusaha keras membendung permohonan tanah untuk tujuan spekulasi menyatakan rasa kecewanya terhadap tindakan Majlis Mesyuarat Negeri meluluskan permohonan tersebut tanpa mengambil kira sejauhmanakah tanah itu akan benar-benar diusahakan untuk penanaman getah. Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Hall ialah tentang kemampuan anak-anak raja yang terbabit menyediakan modal untuk mengusahakan tanah tersebut. Mengikut perkiraan Hall, tanah-tanah tersebut dianggarkan bernilai \$50,000.00 mengikut harga di pasaran. Dengan mengambil kira kos mengusahakan kebun getah itu ialah \$200.00, setiap pemohon memerlukan \$30,000 untuk menjayakan tanah tersebut. Hall sebenarnya yakin kerabat-kerabat diraja yang terbabit tidak akan berjaya mengusahakannya kerana

⁴¹ Kerajaan Kedah juga terpaksa menangani masalah lain dalam permohonan tanah iaitu pemohon yang menggunakan nama-nama palsu dalam satu permohonan secara berkumpulan untuk mengelakkan permohonan itu dibincang dan ditapis oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang bertanggungjawab meneliti permohonan tanah yang melebihi 100 ekar. Lihat, *P/SP2 Kedah Annual Report for the Year 1334 (9 November 1915-27 Oktober 1916)*, hlm. 2. Fenomena permohonan dengan menggunakan nama-nama palsu ini begitu ketara pada tahun 1916 di Kedah Utara berbanding Kedah Selatan.

⁴² G. A. Hall menjadi Penasihat British di Kedah dari 1916 hingga 1919.

masalah modal.⁴³ Soal modal menjadi perhatian utama kerajaan terutama berhubung permohonan tanah untuk tanaman getah yang semestinya memerlukan modal yang besar. Beliau juga menyatakan kebimbangan tentang permohonan tanah untuk tujuan spekulasi memandangkan Sultan Abdul Hamid mempunyai anak cucu yang ramai. Beliau berpendapat had tanah 50 relong adalah lebih sesuai dan mampu diusahakan oleh golongan kerabat.⁴⁴

Kebimbangan Hall ini agak berasas kerana kerajaan mendapati banyak tanah yang dipohon oleh orang Melayu tidak dapat diusahakan atau terbiar begitu sahaja kerana tidak cukup modal untuk mengusahakannya. Akhirnya pada 1926, kerajaan membuat keputusan tegas berhubung soal tersebut dengan mengeluarkan arahan kepada Pengarah Pejabat Tanah Kedah agar menyiasat kedudukan modal seseorang pemohon sebelum meluluskan permohonan tanah yang melebihi 50 relong.⁴⁵ Syarat ini semakin diperketatkan pada 1929 terutamanya bagi tujuan penanaman getah dengan takrif modal itu semakin diperincikan. Petugas di Pejabat Tanah, misalnya, diminta menyiasat secara terperinci tentang modal seperti tanah lain yang boleh jadikan sumber pendapatan seorang pemohon sebelum kebun getah mengeluarkan hasil. Bagi pemohon yang tidak mempunyai tanah, mereka boleh menunjukkan buku simpanan wang dengan sekurang-kurangnya \$10.00 untuk setiap relong yang dipohon. Setelah berpuashati dengan penyiasatan ini barulah Pejabat Tanah boleh meluluskan permohonan tersebut.⁴⁶

⁴³Lihat, LOB 990/48 *Kepala Pekerjaan Tanah Kedah, Alor Setar 28.3.1348. Perkara modal orang yang pinta tanah kebun getah.*

⁴⁴HCO Kedah 1078/1917 *System by which Tungkus are permitted to take up Land.*

⁴⁵K/SUK 2 Kedah Government Gazette, 8 Julai 1926, Jil. 2, No. 16, No. 668.

⁴⁶LOB 990/48. *Kepala Pekerjaan Tanah Kedah, Alor Setar, 28.3.1348. Perkara modal orang yang pinta tanah kebun getah.* Jika seseorang pemohon mempunyai tanah tetapi belum atau baru dipugar, permohonannya harus ditolak. Bagi yang mempunyai wang dia perlu memasukkan wang itu ke dalam buku simpanan untuk ditunjukkan kepada ketua di Pejabat Tanah dalam tempoh tujuh hari. Namun jika

Kaum wanita kerabat turut membuat permohonan tanah yang banyak, dan adakalanya untuk tujuan spekulasi. Permohonan tanah melalui ‘jalan kerabat diraja’ dan modal yang dianggap ada pada golongan wanita istana merupakan kelebihan yang dimiliki golongan ini berbanding wanita biasa. Kelebihan ini memberi ruang kepada mereka untuk membolot peluang mendapat tanah dengan lebih banyak dan lebih kerap. Dari segi keluasan tanah yang dipohon oleh wanita kerabat, samada secara individu atau beramai-ramai, biasanya adalah di sekitar 200 hingga 500 relong dan adakalanya mencecah hingga 800 relong. Bagi permohonan yang mencecah 500 relong, kelulusan hanya boleh dibuat dengan persetujuan *Land Alienation Board* dengan syarat-syarat khas.⁴⁷ Tunku Hajar bt. Tunku Abdul Jalil adalah antara wanita kerabat yang kerap memohon tanah melalui “jalan kerabat diraja”. Beliau juga bijak mempelbagaikan usaha tanahnya, misalnya, dijadikan tanah bendang, menanam pokok kelapa, ubi kayu dan getah. Pada tahun 1925 Tunku Hajar memohon sebanyak 400 relong tanah di Mukim Teloi Kiri, di daerah Kuala Muda untuk dijadikan kebun kelapa serta memohon kebenaran untuk diselangseli dengan ubi kayu.

Oleh kerana permohonan tanah oleh Tunku Hajar merupakan permohonan pertama beliau melalui “jalan kerabat” dan paling penting, melebihi syarat-syarat biasa permohonan tanah pertanian iaitu 50 relong, permohonan ini telah mendapat perhatian Pengarah Pejabat Tanah Kedah. Perkara-perkara lain turut diambil kira, misalnya, modal untuk mengusahakan tanah seluas itu. Sehubungan dengan itu soal bagaimana

wang itu dimasukkan semata-mata untuk menyakinkan Ketua Pejabat Tanah dan kemudian mengeluarkannya semula, permohonan itu juga harus diketepikan. Peraturan ini tidak berkuatkuasa dalam jajahan Sik, Langkawi, Kuala Nerang dan Yan kerana di kawasan-kawasan ini perkhidmatan bank simpanan masih belum diwujudkan.

tanah ini akan diusahakan diajukan oleh Pejabat Tanah Kedah kepada Tunku Hajar. Jawapan balas daripada Tunku Hajar dibuat dengan teliti, menyakinkan dan membayangkan perancangan beliau untuk menambah punca pendapatan serta memperlihatkan sifat keusahawanannya. Tunku Hajar menjelaskan beliau tidak perlu mengeluarkan modal banyak kerana tanah itu akan disewa atau dipajakkkan kepada orang lain yang telah dikenalpasti mempunyai modal mencukupi. Penyewa atau pemajak berkenaan akan bertanggungjawab menguruskan tanah itu daripada kerja memugar, menggali lubang hingga menanam kelapa. Beliau hanya bertanggungjawab mengeluarkan modal untuk membeli benih kelapa dan harga upah menggali lubang. Tunku Hajar juga menyakinkan Pengarah Pejabat Tanah bahawa beliau telahpun berurusan tentang pembelian benih bermutu dengan harga yang murah dari Selangor. Dalam perkiraannya untuk mengusahakan tanah tersebut beliau memerlukan modal sebanyak \$5000.00 dan jumlah ini akan ditambah apabila tidak mencukupi. Tunku Hajar seterusnya menyakinkan Pejabat Tanah bahawa tanah itu tidak akan diperniagakan (dijual). Tujuan beliau memohon tanah kerajaan itu adalah semata-mata untuk dijadikan kebun kelapa bagi menara kehidupannya dan untuk memenuhi haknya sebagai kerabat diraja sebagaimana yang dicatat di bawah:

Yang pertama boleh saya mengadakan modal sebanyak di dalam 1000 rial dan tambah pulak setengah daripada pence yang krajaan ampun kurniai kepada saya itu akan saya belanjakan tiap-tiap bulan bagi memugarkan tanah itu. Yang kedua cadangan saya hendak pugar tanah yang tersebut itu selamanya ikut yang kerajaan kehendak beri cukup rap⁴⁸ serta dengan tanam anak-anak nyior sekali. Yang ketiga selama di dalam tebasan saya pugaran itu saya hendak menanam ubi kayu akan had hingganya mengikut setakat yang telah kerajaan benarkan. Yang keempat saya ada

⁴⁷Lihat Enakmen Tanah No. 56 1934 dalam G. B. Kellagher 1934. *The Laws of the State of Kedah*, Jil. 3, Alor Setar: Kedah Government Press, hlm. 58. Kellagher adalah Hakim Mahkamah Tinggi Bahagian Satu pada tahun berkenaan.

⁴⁸Rap bermaksud tanah itu sudah boleh dikerjakan atau boleh ditanami.

harapan mempuaskan hati saya dan jaya pekerjaan saya tuan kerajaan sedia ketahui saya seorang daripada kerabat kerajaan yang saya pintak tanah ikut jalan kerabat kerajaan menurut undang-undang mustahaklah bagi saya akan mendapat tanah sepertimana yang kerajaan ampun kurniai kepada lain-lain kerabat kerajaan.⁴⁹

Permohonan Tunku Hajar, walau bagaimanapun, diluluskan oleh kerajaan pada 7 Mei 1925 sebanyak 200 relong sahaja dengan syarat diselang seli tanaman ubi kayu sebanyak dua kali. Tanah itu kemudiannya telah dijual kepada seorang Cina sehingga menimbulkan masalah besar kepada permohonan tanah Tunku Hajar yang berikutnya.

Permohonan tanah kerajaan di beberapa buah daerah juga turut dibuat oleh puteri-puteri Sultan Abdul Hamid. Salah seorang puteri baginda yang aktif memohon tanah kerajaan ialah Tunku Hajar. Permohonan tanah oleh Tunku Hajar adakah mencecah 500 relong. Meskipun tidak semua permohonan diluluskan, surat-surat jawapan daripada Tunku Hajar kepada Pengarah Pejabat Tanah membayangkan sikap beliau yang tidak berputus asa untuk terus mencari peluang lain bagi meningkatkan pemilikan harta dan pendapatan. Misalnya, apabila permohonan beliau untuk memiliki 500 relong tanah kerajaan di Mukim Jerlun, di daerah Kubang Pasu, untuk dijadikan bendang pada 1939 ditolak dengan alasan tanah itu termasuk dalam rizab hutan gelam, Tunku Hajar menghantar sepucuk surat lagi kepada Pejabat Tanah memohon maklumat berhubung tanah-tanah lain di daerah Kubang Pasu yang boleh dipohon. Pertanyaan ini

⁴⁹Lihat SUK Kedah 1815/1343, Director of Lands, Alor Setar, 7 Mac 1925. Tunku Hajar binti Tunku Abdul Jalil applies for: 1. Land in Teloi Kiri 2. Permission to plant tapioca

dibuat kerana “saya hendak masuk permintaan ganti permintaan 500 relong di Jerlun itu iaitu tempat-tempat yang elok bagi pergunaan bendang.”⁵⁰

Sebelum itu pada 1930, Tunku Hajar juga telah memohon dengan “jalan kerabat diraja” tanah kerajaan sebanyak 200 relong di Mukim Kupang, Baling, untuk dijadikan kebun getah. Permohonan ini telah menjadi topik perbincangan ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Pertamanya, memandangkan permintaan ini melibatkan tanah getah dengan keluasan lebih 100 ekar, hanya *Land Alienation Board* sahaja yang boleh membuat pertimbangan melalui syarat khas. *Land Alienation Board* dibentuk pada awal tahun 1920-an akibat pentadbiran hal ehwal tanah di Pejabat Tanah, Alor Setar yang tidak mengikut peraturan. Badan ini mempunyai kuasa penuh untuk mempertimbangkan serta meluluskan permohonan tanah yang melebihi 50 relong sehingga 500 relong.⁵¹ Berhubung permohonan Tunku Hajar, puteri Sultan Abdul Hamid, telah timbul persoalan samada permohonan ini patut ditangguhkan atau ditolak. Ada pihak yang berpendapat permohonan ini tidak wajar ditangguhkan sehingga harga getah meningkat semula dan mencadangkan ianya ditolak dengan alasan kerabat diraja juga sepatutnya dilayan sebagaimana rakyat biasa. Meskipun permohonan ini telah disokong oleh Pengarah Pejabat Tanah Kedah kerana tanah itu memang layak dijadikan tanah getah dan Tunku Hajar juga mempunyai modal yang cukup untuk membersih dan memugar tanah berkenaan namun kerajaan membuat keputusan menolak

⁵⁰LOKP 499/56 *Tunku Hajar bt. Sultan Abdul Hamid, Kota Setar, 15.2.1356. Pinta 500 relong tanah di Mukim Jerlun hendak perbuat bendang.*

⁵¹P/SP2 Federal Secretariat, *Kedah Annual Report for the year 1338 A.H. (26 September 1919 - 14 September 1920)*, hlm. 2.

permohonan ini kerana kejatuhan harga getah di pasaran. Tunku Hajar dinasihatkan memohon mana-mana tanah kerajaan apabila harga getah meningkat semula.⁵²

Penolakan permohonan memiliki tanah kerajaan daripada kalangan kerabat bukanlah suatu perkara yang luar biasa. Dalam keadaan permohonan yang melanggar syarat, terdapat desakan kuat agar ahli kerabat diraja diberi layanan yang sama sebagaimana rakyat biasa. Malah Raja Muda sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri sering memberi amaran keras kepada kaum kerabat apabila berdepan dengan situasi seperti ini. Dalam kes rayuan Tunku Asiah ibni Sultan Ahmad Tajuddin, Tunku Dot serta beberapa orang kerabat lain terhadap permohonan tanah mereka yang ditolak atas alasan tanah berkenaan telah diperuntukkan kerajaan untuk orang Melayu, Yang Mulia Raja Muda Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid memberi komen “inilah satu kumpulan daripada Member2 Ruling House yang tiada ambil paham di atas Undang2 Negeri sebab tiada berchampur di dalam pekerjaan negeri. Tunku Dot binte Tunku Kassim barangkali orang sudah gila.”⁵³

Permintaan tanah kerajaan seluas 280 relong di Mukim Ayer Puteh, Kota Setar oleh Tunku Hajar bt. Tunku Abdul Jalil pada 1930 juga ditolak kerajaan atas alasan “perbuatannya yang tiada berbetulan berkenaan dengan tanah yang dibenarkan

⁵²SUK Kedah 2510/1349 Director of Lands, 18 Januari 1931. *Tunku Hajar bt. H. H. Sultan Abdul Hamid applies for state land in Mukim Kupang, Baling for rubber cultivation.* Tunku Hajar telah mendapat tanah kerajaan melalui “jalan kerabat diraja” seluas 204 relong di Mukim Tawar, Daerah Kulim. Tanah itu telahpun dipugar dan ditanam getah. Lihat juga, SUK Kedah 2920/1342 Director of Lands, 24 Julai 1924. *Tunku Arfah bt. Othman Haji and Tunku Ku Tam bt. Tunku Jainalabidin apply for 800 relongs of state land at Mukim Teloi Kiri.* Permohonan tanah kerajaan sebanyak 800 relong di Mukim Teloi Kiri, daerah Kuala Muda oleh Tunku Arfah dan Tunku Ku Tam hanya diluluskan sebanyak 550 relong sahaja kerana tanah itu termasuk ke dalam rezab jalan.

⁵³SUK Kedah 576/1345 *Tunku Asiah bt. H. H. The Sultan and others, Alor Setar 31 Ogos 1926. Re their applications for state land.*

kepadanya dahulu dipertetap tiada boleh rekomen jika ia pintak apa-apa tanah lain dengan jalan Member Ruling House.⁵⁴ Seperti yang telah dibincangkan, masalah Tunku Hajar bermula apabila beliau menjual tanah seluas 200 relong di Mukim Teloi Kiri yang dikurniakan kerajaan pada 1925 melalui “jalan kerabat diraja” kepada seorang lelaki Cina. Kekecohan timbul apabila lelaki berkenaan menanam getah tanpa mendapat kebenaran daripada kerajaan. Kerajaan akhirnya membatalkan hak milik tanah tersebut tetapi kemudiannya menjual semula tanah itu kepada orang Cina berkenaan. Tindakan kerajaan ini telah dipersoal oleh Tunku Hajar dalam surat petisyennya yang bertarikh 24 Julai 1940. Dalam surat itu Tunku Hajar juga memohon baki tanah yang beliau berhak miliki sebagai kerabat diraja. Kerajaan, walau bagaimanapun, tetap berpegang dengan keputusan menolak permohonan tanah baru oleh Tunku Hajar dan mengarahkan Pejabat Tanah supaya tidak mencadangkan mana-mana tanah kepada wanita kerabat ini melalui “jalan kerabat diraja.”

Adakalanya golongan kerabat menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan pelbagai keistimewaan. Namun Majlis Mesyuarat Negeri yang diketuai oleh kerabat diraja juga sangat tegas dan tidak melayan permintaan yang bercanggah dengan peraturan. Ini jelas kelihatan dalam kes permohonan tanah kerajaan di Kuala Nerang sebanyak 100 relong untuk dijadikan kampung oleh Tunku Sepiah ibni Sultan Abdul Hamid.⁵⁵ Berdasarkan laporan *Land Alienation Board*, kerajaan telah meluluskan

⁵⁴SUK Kedah 1667/1349 Directors of Lands, 30 Julai 1930. Tunku Hajar bt. Tunku Abdul Jalil applies for state land in Mukim Ayer Puteh, Kota Setar, for rubber cultivation.

⁵⁵SUK Kedah 2818/1344 Director of Lands, 3 Mei 1926. Tunku Sepiah bt. Sultan Abdul Hamid applies for state land in Kuala Nerang district.

permohonan ini pada 7 Jun 1926 dengan empat syarat khas. Syarat-syarat itu adalah seperti berikut:⁵⁶

1. Tanah ini dibenarkan bagi tanaman kelapa dan lain-lain pokok buah-buahan sahaja
2. Tidak dibenarkan menanam getah dan ubi kayu
3. Tidak boleh dijual atau digadai tanah tersebut melainkan setakat yang terpugar sahaja
4. Jika tidak dipugar 1/3 bahagian daripada tanah tersebut dalam masa setahun daripada tarikh mula dimiliki maka kesemua tanah tersebut akan diambil balik oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, pada 18 September 1927 iaitu setelah dua tahun tanah itu dimiliki, Tunku Sepiah menghantar petisyen kepada Tunku Ibrahim, selaku Presiden Majlis Mesyuarat Negeri, memohon agar dibenarkan menanam ubi kayu dan getah di atas tanah tersebut dengan alasan kesemua tanah yang berhampiran telah ditanam dengan getah. Alasan lain ialah beliau bercadang untuk pawah tanah tersebut kepada orang lain yang hanya bersetuju berbuat demikian sekiranya kerajaan membenarkan tanah itu ditanam getah dan ubi kayu. Tunku Sepiah juga menegaskan beliau tidak mungkin dapat mengusahakan tanah tersebut dalam masa setahun sebagaimana disyaratkan melainkan dengan cara pawah. Petisyen ini disusuli dua hari kemudiannya dengan surat suaminya, Tunku Abdullah kepada T. W. Clayton, Penasihat British (1925) untuk memaklumkan perkara tersebut. Dalam surat itu Tunku Abdullah menyokong permohonan isterinya:

I should like to say that rubber trees are grown mostly in this locality and she wishes to have the land cultivated by means of contract or "pawah" (1/3 to the contractor) and as no one will accept it unless rubber and tapioca are allowed to be planted, may I request that her application be favourably considered. I presume

⁵⁶Kesemua syarat tersebut berkait rapat dengan tujuan kerajaan kolonial untuk mengekalkan orang Melayu sebagai pengeluar makanan yang utama dan mengelakkan mereka terlibat dalam sektor penanaman komersil.

the government neither gains nor loses as no premium or rent is collected from the members of the Ruling House.⁵⁷

Pada 26 Disember 1927, Tunku Sepiah membuat perjanjian jual beli dengan Che Hanafi bin Nik Mon dan rakan-rakannya. Walau bagaimanapun, surat perjualan hanya dikeluarkan pada 4 Oktober 1929 iaitu dua tahun selepas perjanjian dibuat. Kemudian pada 28 Mei 1930, Tunku Sepiah menghantar surat kepada Pengarah Pejabat Tanah Alor Setar memohon agar syarat khas No. 3 itu dipinda. Menurut Tunku Sepiah, syarat-syarat lain telah beliau penuhi iaitu lebih separuh daripada tanah tersebut telah dipugar dan ditanam pokok buah-buahan.

Usaha Tunku Sepiah menemui kegagalan kerana pada 31 Mac 1931 kerajaan negeri mengeluarkan keputusan tidak membenarkan syarat No. 3 dipinda. Dengan itu berakhirlah satu episod yang panjang permintaan demi permintaan oleh wanita kerabat ini untuk menjual tanah 100 relong yang dipohnnya pada 1926. Namun pada 1935 sekali lagi nama Tunku Sepiah dan suaminya terheret dalam kes dua orang Cina yang menebang hutan secara haram di Mukim Ayer Puteh, dalam daerah Pendang. Kes ini membabitkan tanah milik Tunku Abdullah dan Tunku Sepiah serta anak-anaknya dan juga beberapa orang kerabat yang lain. Dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri pada 29 Julai 1935, kerajaan membuat keputusan tidak membenarkan Tunku Abdullah memohon mana-mana tanah kerajaan melalui jalan kerabat. Tunku Sepiah dan kerabat-kerabat yang lain pula tidak dibenarkan memohon tanah kerajaan dalam tempoh

⁵⁷ SUK Kedah 2818/1344 Tunku Sepiah applies for state land.

lima tahun sementara permohonan tanah oleh anak-anak Tunku Sepiah dibekukan sehingga cukup umur (baligh).⁵⁸

Wanita dan Petisyen Tanah

Sebagaimana kaum lelaki, wanita Melayu juga merupakan golongan yang sangat aktif menghantar petisyen ke Pejabat Tanah dan tidak keberatan pula untuk memanjangkan perkara itu ke pejabat Presiden Majlis Mesyuarat Negeri apabila timbul masalah dalam permohonan mereka serta hal-hal lain berkaitan hak milik tanah. Meskipun surat petisyen ditulis oleh penulis petisyen yang berlesen kerana rata-rata wanita Melayu adalah buta huruf namun mereka tetap mengambil berat tentang isi kandungan surat petisyen yang dihantar malah adakalanya petisyen dihantar berulangkali oleh wanita yang sama terutama apabila jawapan yang diterima tidak memuaskan hati mereka. Berdasarkan penelitian terhadap dokumen-dokumen Pejabat Tanah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan fail mahkamah, didapati surat petisyen ini dihantar dengan pelbagai tujuan termasuk bersabit harta pesaka keluarga, harta syarikat, masalah sempadan tanah, perebutan tanah antara waris, pencerobohan dan penipuan ke atas tanah milik keluarga dan pelbagai lagi. Meskipun tidak semua kes dapat dikesan kesudahannya namun yang mahu ditonjolkan di sini ialah kesungguhan wanita Melayu mempertahankan harta benda milik mereka daripada jatuh ke tangan pihak lain.

⁵⁸ SUK Kedah 1564/1354 Assistant Adviser, 27 Julai 1935. *Report on the unlawful clearing of the State Land at Paya Mak Nison in Mukim Ayer Puteh, connected with certain Ruling House Members.* Antara kerabat diraja yang terlibat ialah Tunku Abdul Majid, Tunku Zainal Abidin dan Tunku Balkhis. Kesemua mereka adalah putera dan puteri Sultan Abdul Hamid.

Dalam petisyen yang bertarikh 6 November 1922, Kiah bt. Hassan membuat aduan tentang tanah harta syarikat beliau dan suaminya seperti berikut:

Ahwal adalah akan suami patek nama Abdul Raof itu pada 16/12/1316 [17 April 1899] ada pintak tanah pada kerajaan Office Tanah Yen (Yan) sekeping tanah bendang di dalam mukim Sg. Daun di daerah Mesjid, banyaknya lebih kurang 10 relong 139 jemba dengan membayar harganya sebanyak \$15/- dan pada tarikh 19/6/19 [2 Oktober 1901] dibayar harga batu trat sebanyak \$3/62, ampon tuanku kemudian dari pada itu patek apa dudok pugar jadikan bendang di dalam setahun akan suami patek itu ada bayar hasil pada krajaan chuma sekali sahaja ia pon telah mati, ampon tuanku lebeh kurang 2 tahun suami patek telah mati itu patek ada ambil kuasa di Mahkamah Alor Setar di atas tanah tersebut, dan Mahkamah A. Setar telah beri kuasa kapada patek, kemdian dari pada itu patek sudah dapat kuasa itu patek ada pergi di Office Tanah Yan hendak bayar hasil dan pintak diperbuat surat kecik di atas tanah itu, kemdian Office Tanah tiada mau terima hasil katanya nanti kemdian kita buleh keluar notice bahru buleh diterima hasil, kemdian daripada itu patek pergi jua demikianlah jua tiada mau diterima akan rial hasil itu sampai pada masa Tuan Syed Mustaffa jadi Land Officer patek pergi handak bayar hasil dan pintak handak diperbuat surat kechik di atas tanah itu, katanya akan surat kuasa patek itu telah mati tiada buleh dipakai lagi krana tiada diregisterkan dan pada tarikh 14/3/41 [4 November 1922] patek ada terima notice lelong dari krajaan Office Tanah Yan menyatakan tanah yang tersebut handak dijual di dalam lelong pada 21/3/41 [11 November 1922] hal inilah patek berdatang sembah pada Duli Y. M. atas hal patek yang tersebut, krana daripada tarikh yang diambil tanah itu sampai sekarang ini patek dudok usaha juga di atas tanah bendang itu dan pada tiap-tiap tahun patek dudok bertanam padi juga, inilah patek persembahkan jika sekiranya tiada ketegahan bagi Undang-undang krajaan serta kemerkaan Duli Y. M. patek pohon handak pintak akan tanah bendang yang tersebut itu menjadi-kan milek patek sendiri mengikot yang sudah dibayar perbelanjaan pada tarikh 16/12/16 dan jika sekiranya krajaan handak letakkan harganya dan apa-apa perbelanjaan yang lain di atas tanah itu patek junjonglah jika krajaan Office Tanah lelongkan kepada orang lain tersangat aniyalah patek.⁵⁹

⁵⁹SUK Kedah 668/1341 Kiah bt. Hassan, Yan, 6 November 1922. Re bendang land of Abdul Raof, her husband.

Siasatan yang dibuat oleh Pejabat Tanah Yan mendapati tanah tersebut dimiliki oleh suami Kiah tanpa surat keterangan. Anak lelakinya yang dibenarkan mengambil kuasa ke atas tanah itu juga tidak membayar wang pertaruhan di Pejabat Tanah Yan dan ini menyebabkan permintaan ke atas tanah ini akhirnya dibatalkan.

Dalam dua kes berikutnya, wanita Melayu dilihat begitu mempertahankan tanah mereka daripada jatuh ke pihak lain. Ku Minah bt. Ku Mat dari Mukim Tajar cuba mempertahankan tanah yang diusahakan bersama-sama suaminya.⁶⁰ Dalam petisyen kepada Pejabat Tanah Baling bertarikh 2 April 1929, Ku Minah mengadu perihal Ku Mat Akib yang menidakkan hak beliau ke atas dua keping tanah yang beliau bersyarikat dengan mendiang suaminya. Sementara itu usaha Halimah bt. Saman dari Telok Sira, Mukim Pulai dalam daerah Baling, menyelamatkan tanahnya daripada tergadai memperlihatkan kesedaran wanita berkenaan untuk menjaga keutuhan ekonomi diri dan keluarga. Dalam surat kepada Pejabat Tanah Baling bertarikh 13 September 1923 Halimah mengadu anaknya, Mek Chik, telah menggadaikan tanah miliknya (Halimah) sebanyak empat relong yang pada awalnya telah diberikan kepada Mek Chik untuk ‘perbuat makan kedua-dua tempat itu sementara mencari lain’. Mek Chik telah menggadaikan dua setengah relong daripada tanah tersebut dan kini Halimah merayu kepada Pejabat Tanah supaya menghalang gadaian tersebut kerana beliau bercadang mengambil balik tanah berkenaan dari anaknya.⁶¹

⁶⁰ SUK Kedah 2884/1347 Ku Minah bt. Ku Mat, Mukim Tajar, 2 April 1929. Petitions against Ku Mat Akib for denying her rights in two pieces of bendang lands at Tajar in partnership with her late husband.

⁶¹ LOB 380/42 Halimah bt. Saman, Pulai, Telok Sira tahun 1342. Dikata Mek Cik anaknya gadai tanah bendang benci sewa namanya di Mukim Pulai, daerah Telok Sira.

Kes tanah harta pesaka Ismail bin Osman yang menjadi rebutan dua orang wanita, iaitu Mek Sa (yang memohon surat kuasa ke atas harta pesaka tersebut dan anak kepada Ismail) dan Matu bt. Musa (cucu Ismail) lebih merupakan kes lama dibuka semula kerana ia sepatutnya selesai apabila Mek Sa diberi surat kuasa ke atas harta pesaka tersebut pada tahun 1940. Kes ini muncul ekoran petisyen yang dihantar oleh Matu kepada Ketua Pejabat Tanah Kuala Nerang, daerah Padang Terap pada 9 Mei 1948. Dalam petisyen tersebut, Matu meminta penjelasan tentang pembahagian harta pesaka tersebut kerana sehingga saat itu beliau masih belum mendapat bahagiannya. Ketua Pejabat Tanah dalam jawapannya memberitahu bahawa sejak kes ini dibicarakan lapan tahun dahulu sehingga ke saat Matu membuat aduan pada 1948, Mek Sa yang mendapat surat kuasa itu tidak pernah datang ke Pejabat Tanah untuk mengubah nama di atas sekeping tanah yang sepatutnya menjadi milik Matu.

Jawapan daripada Mek Sa pula membayangkan berlaku salah faham tentang hak milik tanah tersebut. Dalam suratnya kepada Pejabat Tanah bertarikh 17 Ogos 1948, **Mek Sa** mengakui harta pesaka Ismail (dimiliki dan diusahakan sejak 30 tahun lalu) sepatutnya menjadi milik beliau dan Matu. Tanah itu asalnya hanyalah serelong dan apabila pegawai sukat mendapati ada lebihan sebanyak tiga relong, Mek Sa diberi Surat Putus Kecil kerana beliau yang mengusahakan lebihan tanah berkenaan serta membayar harga tanah tersebut kepada kerajaan. Surat Putus Kecil merupakan geran yang diberi ke atas tanah yang tidak melebihi 50 relong.⁶² Pada asalnya, Matu berjanji untuk “menolak” (menjual) tanah itu kepadanya tetapi kemudian mungkir janji dan enggan menjual kepadanya. Mek Sa melahirkan rasa tidak puashati jika bahagian Matu

dimasukkan juga ke dalam tanah tiga relong yang beliau telah usahakan. Mek Sa menegaskan memandangkan tanah yang lebih daripada surat akuan diperolehi melalui usaha beliau memugar dan membayar harga kepada kerajaan maka ia sepatutnya menjadi milik beliau dan bukan milik Matu.⁶³

Dalam satu kes yang lain seorang wanita bernama Ajar bt. Awang membuat aduan kepada kerajaan dalam surat petisyennya bertarikh 10 Jun 1929 tentang tanah empat relong yang beliau dan adiknya Maimunah miliki telah dilelong kerajaan. Menurut Ajar, beliau dan suaminya telah memugar tanah tersebut dan juga tanah Maimunah (atas permintaan Maimunah sendiri) yang kemudiannya ditanam dengan getah. Malangnya selepas 13 tahun, Maimunah telah menjualkan tanah tersebut dengan harga \$400.00 kepada Dato' Abu Seman, Inspektor Sungai Petani, tanpa pengetahuan Ajar. Perjanjian jual-beli dibuat antara Maimunah dengan Mohd. Saad, anak Abu Seman. Tidak lama selepas perjualan dibuat, Ajar mengadu beliau mendapat surat saman dari Mahkamah Rendah Sungai Petani, berhubung tuntutan daripada Mohd. Saad ke atas hasil yang dikutip daripada tanah Maimunah. Dalam jawapannya Ajar menegaskan bahawa beliau tidak pernah mengutip apa-apa hasil daripada tanah Maimunah sementara hasil getah hanya dipungut daripada tanah yang menjadi bahagiannya sahaja. Selepas geran tanahnya dirampas oleh Mahkamah Rendah, kes Ajar kemudiannya telah dibawa ke Mahkamah Besar. Dalam rayuannya, Ajar menegaskan bahawa Mahkamah akan melelong tanah tersebut jika perkara ini tidak

⁶² LOPT 43/55 *Harta Pesaka Ismail bin Osman*. Harta pesaka si mati hanyalah sebidang tanah yang bernilai \$75.00.

⁶³ Dakwaan Mek Sa ini telah disokong oleh suaminya yang turut menghantar petisyen kepada Pejabat Tanah Padang Terap bahawa tanah yang lebih tiga relong itu adalah usaha beliau memugar dan membayar

diselesaikan segera. Beliau menganggap kejadian ini satu penganiayaan terhadapnya kerana meskipun yang terlibat hanyalah tanah Maimunah tetapi akhirnya tanahnya juga turut menjadi mangsa. Oleh kerana lawannya orang berada yang tentu sekali akan berjaya membeli tanah tersebut dalam lelong, Ajar memohon agar beliau dibenarkan membeli tanah tersebut sebanyak yang dijual oleh Maimunah kerana tanah itu diusahakan oleh beliau dan suaminya.⁶⁴

Pejabat Tanah juga banyak dihujani aduan daripada kaum wanita berhubung soal sukatan dan sempadan tanah. Masalah batu terat (pacak) diubah tanpa pengetahuan tuan tanah yang mengakibatkan keluasan tanah berkurangan daripada geran asal adalah antara perkara yang sering dibangkitkan oleh golongan ini.⁶⁵ Perkara ini dibangkitkan untuk mengelakkan segala penat lelah mereka mengusahakan tanah dan bercucuk tanam selama ini menjadi sia-sia. Selain permohonan dan surat petisyen berhubung soal tanah, wanita Melayu juga turut dikaitkan dengan kes tuntutan tanah di mahkamah. Misalnya, kes pendakwaan Syed Idrus bin Syed Jassin Al Jafri ke atas Fatimah bt. Man ekoran keengganan Fatimah membuat surat penjualan tanah kepada beliau. Kes ini dibicarakan pada 4 September 1929 di Mahkamah Tinggi Bahagian Kedua, Alor Setar. Dalam tuntutannya, Syed Idrus mendakwa Fatimah telah berjanji untuk menjual sekeping tanah bendang di Mukim Kubang Rotan kepadanya dengan harga \$580.00. Syed Idrus telah membuat pembayaran tersebut kepada Fatimah tetapi Fatimah enggan

hargaanya kepada kerajaan. Suami Mek Sa mendakwa Matu sebenarnya mungkir janji kerana pada asalnya beliau mahu menjual tanah itu kepada mereka suami isteri.

⁶⁴SUK Kedah 236/1348 Ajar bt. Awang. Petitions against the auction sale of her land in Mukim Simpor.

⁶⁵Lihat, LOB 197/42 Mek Cik bt. Kweng Mohd, Pulai, 9.4.1342. Pasal orang cabut batu terat tanah surat kecil no. 1281 di sebelah matahari naik bersempadan dengan tanah bendang Leha bt. Busu; LOB 21/46 Tijah bt. Salleh, Mukim Pulai, Telok Sira 16.1.1346. Teriak kata tukang sukat potong buang tanah di dalam surat kecil no. 2599 di Mukim Pulai; LOB 1126/48 Sofiah bt Lebai Hasin, Kampung Tawar, tawar, 25.2.1348. Teriak tanahnya banci sewa no. 241 yang telah jadi geran itu kurang.

membuat surat perjualan tanah walaupun telah beberapa kali diminta berbuat demikian. Syed Idrus akhirnya membuat aduan ke mahkamah dan memohon mahkamah mengarahkan Fatimah membuat surat perjualan atau memulangkan semula wang \$580.00 harga tanah serta \$620.00 gantirugi keuntungan yang sepatutnya dikutip daripada nilai harga semasa tanah tersebut yang dianggarkan bernilai \$1,200.00.⁶⁶ Syed Idrus menang perbicaraan ini kerana keterangannya lengkap dengan bukti seperti surat perjanjian perjualan tanah serta surat gadaian tanah yang dibuat oleh Fatimah.

Petisyen Terhadap Wanita Kerabat

Aduan-aduan yang dibuat oleh rakyat terhadap wanita kerabat berhubung pembelian tanah pula seringkali berakhir dengan jawapan balas yang panjang lebar daripada golongan tersebut. Pada 30 November 1927, kerajaan menerima petisyen daripada Nyonya Low Kee Nyong dari Kulim yang memohon dibenarkan mengambil tindakan terhadap Tunku Fatimah ibni Sultan Abdul Hamid bagi mendapatkan semula bahagian suaminya, Bong Hong Pen, daripada pendapatan ke atas cukai tanah lombong. Menurut Nyonya Low, Tunku Fatimah enggan menunjukkan kira-kira pendapatan daripada cukai yang dikutip daripada lombong yang dikongsi bersama suaminya, Bong Hong Pen di Sungai Kon, Mukim Karangan dalam daerah Kulim. Oleh kerana Nyonya Low memegang kuasa ke atas harta pesaka suaminya, beliau berhak menyemak kira-kira pendapatan daripada lombong tersebut. Sebaliknya, tegas Nyonya Low, Tunku Fatimah telah membuat dua pendakwaan terhadapnya di Mahkamah Kulim dengan menuduh suami Nyonya Low telah berhutang (kepada Tunku Fatimah) semasa masih hidup dan sebagai gantirugi Tunku Fatimah menuntut tanah kolam ikan di Sungai Kon

⁶⁶ *Mahkamah Tinggi Alor Setar, Civil Application No. 15/48. Civil suit Fatimah vs Syed Idrus Al Jafri.*

yang juga milik suaminya. Tunku Fatimah, melalui wakilnya, menafikan kesemua tuduhan Nyonya Low sebaliknya mendakwa Nyonya Low yang berhutang kepadanya dan tuntutan di Mahkamah Kulim sebenarnya dibuat untuk menuntut hutang tersebut. Tunku Fatimah menganggap tindakan Nyonya Low membuat tuntutan di mahkamah ke atas beliau hanyalah satu helah wanita itu untuk melepaskan diri daripada hutang.⁶⁷

Satu lagi contoh aduan terhadap wanita kerabat dapat dilihat dalam kes Zakaria bin Haji Mahmud. Dalam surat petisyen bertarikh 10 April 1930, Zakaria mengadu Tunku Jiwa ibni Sultan Ahmad Tajuddin telah mungkir janji berhubung penjualan tanah bendang di Mukim Sungai Daun.⁶⁸ Dalam aduannya, Zakaria menyebut pada 4 Mac 1928 beliau telah membuat perjanjian dengan Tunku Jiwa kerana ingin membeli tanah wanita itu sebanyak lima relong dengan harga \$100.00.⁶⁹ Untuk tujuan tersebut Zakaria telah membayar \$40.00 sebagai cengkeram dan bakinya akan dibayar selepas musim menuai pada tahun itu juga. Tetapi apabila Zakaria cuba menjelaskan baki tersebut, Tunku Jiwa memberitahu bahawa tanah berkenaan telah dijual kepada orang lain.

Dalam jawapannya, Tunku Jiwa mengakui dia pernah menandatangani surat kenyataan untuk memberi sewa tanahnya untuk penanaman padi melalui wakilnya yang kemudiannya menghilangkan diri. Justeru itu Tunku Jiwa menafikan pernah membuat perjanjian dengan Zakaria malah menegaskan tidak pernah bertemu dengannya dan

⁶⁷ SUK Kedah 1649/1346 Nyonya Low Kee Nyong, Ruang Pinang, Kulim, 30 Disember 1927. Applies for permission to take civil action against Tenku Fatimah to recover her late husband's (Bong Hong) share of the tribute in respect of certain mining land.

⁶⁸ SUK Kedah 3330/1348 Zakaria bin Haji Mahamud, Mukim Sungai Daun, 10 April 1930. Petitions against Tunku Jiwa bt. Sultan Ahmad Tajuddin for breach of agreements in respect of sale of her bendang land in Mukim Sungai Daun to him.

⁶⁹ Surat perjanjian tersebut dilampirkan oleh Zakaria di dalam petisyennya. Surat tersebut dibuat di hadapan saksi dan didaftarkan di Perbendaharaan Alor Setar pada 6 Mac 1928.

tidak pernah menerima wang cengkeram tersebut. Oleh yang demikian, Tunku Jiwa menasihatkan Zakaria menyelesaikan perkara tersebut dengan orang yang berurusan dengannya. Di samping itu Tunku Jiwa menyatakan kemosykilannya tentang perjanjian tersebut. Jika ia benar-benar berlaku mengapa Zakaria menunggu sehingga dua tahun untuk membangkitkan perkara itu kerana dalam perjanjian tersebut Zakaria sendiri berjanji untuk membayar baki pembelian itu selepas musim menuai tahun 1928. Untuk kes ini Zakaria dibenarkan oleh Presiden Majlis Mesyuarat Negeri untuk membuat tuntutan di mahkamah.⁷⁰

Masalah dalam pembelian tanah milik wanita kerabat biasanya timbul kerana segala urusan jual beli diserahkan kepada orang kepercayaan mereka. Justeru itu apabila terdapat aduan, wanita kerabat menafikan tahu menahu tentang jual beli tanah tersebut. Pada 1929, dua orang lelaki Melayu telah membuat aduan kepada kerajaan bahawa berlaku penipuan dalam pembelian sebidang tanah milik Che Manjalara yang diuruskan oleh orang kepercayaan wanita kerabat itu. Kedua-dua lelaki berkenaan telah membeli tanah tersebut dengan membuat bayaran sebanyak \$300.00 kepada orang kepercayaan Che Manjalara tanpa diberi geran. Setelah tanah itu disukat empat tahun kemudian mereka diberitahu bahawa tanah yang mereka duduki itu sebenarnya milik Tunku Abdul Rahman sementara tanah yang sepatutnya mereka miliki terletak dalam bahagian lain.⁷¹ Selain kecuaian di pihak orang tengah, kemungkinan juga masalah ini timbul kerana kesukaran mengenalpasti kedudukan tanah yang terbabit akibat terlalu

⁷⁰ Keadaan yang serupa kelihatan dalam kes aduan berhubung pembelian tanah oleh Radin Mas dari Derang terhadap Tunku Meriam. Lihat, *SUK Kedah 7/1341 Radin Mas bin Radin Pangeran Mas, 23 Ogos 1922. Petitions against Tunku Meriam re sale of land at Derang.*

⁷¹ *SUK Kedah 2362/1347 Man bin Hitam and other, 3 Februari 1929. Regarding the purchase of a kampung land at Jalan Baharu from Che Manjalara.*

banyak tanah yang dimiliki oleh kerabat atau mungkin kerana masalah sempadan tanah yang tidak jelas.

Wanita dan Harta Pesaka

Di bawah pemerintahan kolonial terdapat dua enakmen penting berhubung kematian iaitu Enakmen Harta Pesaka dan Enakmen Stamp. Enakmen Harta Pesaka bertujuan menilai harta peninggalan si mati dengan surat kuasa perlu dipohon bagi harta alih dan tak alih yang mencapai nilai \$100.00. Enakmen Stamp pula merujuk kepada duti harta pesaka yang perlu dibayar di Pejabat Stamp apabila nilai bersih harta tersebut melebihi \$500.00. Pembahagian harta seperti tanah dan harta boleh alih yang melebihi \$100.00 hanya boleh dibuat setelah waris-waris mendapat surat kuasa daripada mahkamah. Surat kuasa membolehkan seseorang waris itu berkuasa sepenuhnya ke atas harta dan hutang si mati. Dengan itu tugas pemegang surat kuasa agak berat bermula dengan penyediaan senarai harta benda si mati⁷² dan setelah diberi surat berkenaan oleh mahkamah, mengutip harta dan semua hutang si mati, membayar hutang si mati, membahagikan harta si mati dan menyerahkan laporan kepada mahkamah tentang bagaimana dia telah menyempurnakan tugasnya.⁷³

⁷²Senarai itu mestilah mengandungi maklumat geran-geran tanah dengan nama si mati serta dinilai mengikut harga pasaran waktu kematian, ternakan yang dimiliki beserta dengan nilainya, barang-barang kemas dengan harga setiap satu, barang-barang perhiasan rumah, jumlah duit tunai yang dimiliki, harta-harta lain yang dimiliki seperti perahu, belat, jermal, jala, pukat, dan hak si mati dalam mana-mana kedai dan perniagaan, nama orang yang berhutang kepada si mati beserta jumlah hutang dan hutang si mati kepada orang lain dan juga belanja menguruskan pengkebumian. Mahkamah akan menentukan samada perbelanjaan pengkebumian itu berpatutan atau sebaliknya.

⁷³Lihat K/PU 1, *Kedah Enactments 1337 (1918)*, Enactment No. 6 of 1337. *The Administration of Estates Enactment 1337*. Sekiranya si mati tiada meninggalkan tanah atau nilai harta-harta yang boleh dipindahkan tidak melebihi \$100.00, surat kuasa tidak perlu diambil oleh waris. Apa yang mereka perlu lakukan ialah menunjukkan senarai harta dan hutang si mati (dengan nilainya) kepada Ketua Polis dalam jajahan tersebut yang berkuasa untuk mengambil tindakan selanjutnya. Enakmen Harta Pesaka ini dikenali sebagai Enakmen No. 6, 1337, No. 3, 1345, No. 9 1347, No. 21 1349, No. 21 1352. Enakmen Harta Pesaka yang berkuatkuasa pada 13 Julai 1934 (1353) boleh dirujuk kepada G. B. Kellagher, *The Laws of the State of Kedah*, Jil. 3.

Setelah permohonan untuk mendapatkan surat kuasa dibuat, ianya akan diwartakan dan sekiranya tiada bantahan dalam tempoh yang diberikan, surat kuasa akan dikeluarkan kepada pemohon tersebut. Penelitian ke atas warta kerajaan Kedah banyak mendedahkan kekerapan wanita membuat permohonan di mahkamah untuk tujuan tersebut dan juga memohon pembahagian harta pesaka kecil (*small estates*).⁷⁴ Ia melibatkan permohonan daripada anak-anak perempuan ke atas harta pesaka ibu bapa, isteri memohon surat kuasa ke atas harta suami, adik beradik perempuan memohon kuasa ke atas harta adik beradiknya dan permohonan daripada ibu terhadap harta pesaka anak-anaknya.⁷⁵

Isu warisan harta tidak banyak dikaji meskipun ia sangat menjelaskan hubungan gender dan sumbangan wanita dalam aspek pemodal dan pengukuhan pemilikan harta keluarga. Cara pembahagian harta pesaka yang lazim bagi orang Islam ialah mengikut hukum syarak dan juga hukum adat. Pembahagian mengikut hukum syarak atau faraid ini terkandung dalam al-Quran dengan kategori waris utama, waris gantian

⁷⁴Sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Tanah No. 56 tahun 1934, harta pesaka kecil merujuk kepada harta peninggalan tanpa wasiat yang mengandungi sepenuhnya atau sebahagian daripada harta yang tidak boleh dipindah yang tidak melebihi \$3,000.00 semasa permohonan membahagikan harta tersebut mula dibuat. Jumlah tersebut ialah sebelum ditolak hutang si mati.

⁷⁵Untuk tinjauan lanjut, lihat misalnya, *K/SUK 2 Kedah Government Gazette*, 20 Ogos 1925, perkara No. 23 dan No. 25; 16 November 1925 perkara No. 174; 14 Januari 1926 perkara No. 233, No. 234 dan No. 236; 13 Februari 1926, perkara No. 323; 10 Jun 1926, perkara No. 597; 4 Januari 1927, perkara No. 307; 28 Februari 1931, perkara No. 678; 14 Januari 1933, perkara No. 825, No. 826, No. 827, No. 829, No. 830, No. 834. Tuntutan terhadap harta pesaka dan permohonan surat-surat kuasa membahagikan harta pesaka kecil juga boleh ditinjau di dalam fail-fail Pejabat Tanah. Permohonan surat-surat kuasa ke atas harta pesaka kecil ini dibuat menurut Seksyen 86 (4) Undang-Undang 1349 (1930/31). Permohonan ini dibuat oleh kaum wanita samada isteri, anak perempuan, cucu perempuan, adik beradik dan anak saudara perempuan. Sebagai contoh, lihat *LOPT 66/55 Mek tam bt. Cik Isa, Kampung Lanjut, Mukim Baling Kanan, 14.9.1355. Administration Case File harta pesaka Haji Ali bt. Hasan [suami]*; *LOPT 52/55 Siti Aminah bt. Idris, Mukim Pedu, 6.6.1355. Administration Case File harta pesaka Siti Lijah bt. Awang [nenek]*; *LOPT 8/55 Tijah bt. Harun, Kubang Lintah, Kurung Hitam, 6.2.1355. Administration Case File harta pesaka harun bin Tam [bapa]*.

dan waris sisi.⁷⁶ Waris utama terdiri daripada suami isteri, bapa, ibu dan anak lelaki dan perempuan. Golongan ini dikatakan sebagai “utama” kerana mereka tidak dapat dikecualikan daripada mengambil faraid mereka dalam apa jua keadaan sekalipun. Ahli waris gantian terdiri daripada bapa kepada bapa, ibu kepada ibu dan anak perempuan kepada anak lelaki yang mana faraid mereka bergantung kepada ketiadaan ahli-ahli waris yang diambil tempatnya. Waris sisi pula meliputi semua waris sisi yang menjadi turunan kepada bapa seperti saudara lelaki dan perempuan seibu sebapa, sebapa atau seibu. Mereka ini pada umumnya boleh dikeluarkan daripada mengambil sebarang harta apabila terdapat nasab di peringkat golongan pertama dan kedua tadi dengan beberapa syarat. Dalam pembahagian faraid, hak seorang lelaki adalah umpama bahagian dua orang perempuan. Oleh yang demikian, faraid waris-waris adalah seperti berikut: suami 1/4 atau 1/2,⁷⁷ isteri 1/8 atau 1/4 iaitu samada seorang atau lebih,⁷⁸ bapa 1/6 (dan mungkin juga baki sahaja), ibu 1/6 atau 1/3,⁷⁹ datuk 1/6 (dan mungkin juga baki sahaja), nenek 1/6 iaitu samada seorang atau lebih, anak perempuan 1/2 jika seorang dan 2/3 jika lebih daripada seorang, anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan) 1/2 jika seorang dan 2/3 jika dua orang atau lebih, saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu masing-masing 1/6 jika seorang 1/3 jika dua orang atau lebih.⁸⁰

⁷⁶ Al-Quran Surah An Nisaa’ ayat 11 dan 12.

⁷⁷ Dalam surah An Nisaa’ ayat 12 disebut seseorang suami akan mendapat 1/2 daripada harta peninggalan isterinya sekiranya isterinya itu tiada mempunyai anak. Jika isterinya mempunyai anak, si suami hanya mendapat 1/4 daripada harta pesaka iaitu setelah ditolak wasiat dan hutang-hutang isterinya.

⁷⁸ Surah An Nisaa’ ayat 12 juga menyebut isteri akan mendapat 1/4 daripada harta peninggalan suami sekiranya suaminya tidak mempunyai anak. Tetapi jika suaminya mempunyai anak, isterinya hanya mendapat 1/8 daripada harta peninggalannya iaitu setelah ditolak dengan wasiat dan hutang suami tadi.

⁷⁹ Surah An Nisaa’ ayat 11 menyebut sekiranya si mati tidak mempunyai anak dan yang akan mempusakai harta itu hanyalah kedua ibubapanya sahaja maka masing-masing akan mendapat 1/3 bahagian daripada pembahagian harta pesaka. Tetapi sekiranya simati mempunyai anak atau saudara yang lain, ibu bapanya akan mendapat 1/6 iaitu setelah ditolak hutang dan wasiat.

⁸⁰ Untuk tinjauan lanjut tentang harta pesaka, lihat, Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff 1987. *Hukum Pusaka Dalam Islam. Satu Kajian Perbandingan*, Selangor: Penerbitan Hizbi, Bab 1.

Dari satu segi pembahagian harta pesaka secara faraid tidak membolehkan wanita memiliki harta yang banyak. Kedudukan anak perempuan dalam pembahagian harta, misalnya, akan berubah apabila ditaksibkan oleh anak lelaki kerana tarafnya pada waktu itu bukan lagi sebagai waris utama tetapi sebagai waris gantian yang akan mengambil baki harta bersama-sama anak lelaki. Jika ada bersamanya seorang atau lebih anak lelaki bermaksud ia akan ditaksibkan oleh anak lelaki tersebut dan akan mendapat satu bahagian sedangkan dua bahagian lagi diberikan kepada lelaki. Perimbangan kadar satu bahagian untuk anak perempuan dan dua bahagian untuk anak lelaki akan terus berlangsung menurut bilangan anak-anak yang ditinggalkan.⁸¹ Justeru itu timbul persoalan bagaimana wanita boleh mendapat manfaat daripada pembahagian harta pesaka?

Peluang bagi kaum wanita untuk mendapat harta yang samarata sebenarnya masih ada yakni melalui pembahagian mengikut wasiat, hebah dan hukum adat. Namun kerana wasiat tidak boleh dibuat kepada waris utama, ia hanya bermanfaat untuk wanita yang bukan dalam kategori waris tersebut. Wanita juga masih berpeluang mendapat bahagian yang lebih melalui cara hebah iaitu seseorang sewaktu masih hidup telah membuat pembahagian harta tertentu kepada orang-orang tertentu di hadapan beberapa orang saksi. Adat Melayu merupakan pertimbangan penting dalam soal pewarisan harta tetapi apabila adat tidak terlibat, peratusan biasa undang-undang untuk orang Islam akan terpakai. Sebenarnya tiada sebarang peruntukan tentang undang-undang substantif berkenaan wasiat atau cara menentukan harta pesaka dalam Enakmen Pentabdiran Harta Pesaka Kedah No. 6 1339 dan kemudiannya semakan Enakmen No. 1

⁸¹*Ibid.*, hlm. 12-13. Peraturan yang sama terdapat dalam faraid saudara perempuan seibu seapa dan

1934. Kesemua ini membayangkan badan perundangan tidak berniat melampaui kuasa mana-mana undang-undang substantif diri seperti undang-undang untuk orang Islam lalu pentadbir harta pesaka diarahkan membahagi harta kepada orang-orang yang berhak mengikut agama si mati.⁸² Hukum adat pula merujuk kepada cara permuafakatan iaitu pembahagian yang selain daripada cara syarak, tidak kira cara mana sekalipun ia dijalankan asalkan mendapat persetujuan semua waris. Cara ini lebih mudah dan cepat tanpa perlu menghadapi kerentak birokrasi. Namun setakatmana cara pembahagian harta seperti ini boleh memberi faedah kepada kaum wanita bergantung pula kepada kesediaan pihak yang mengetuai pembahagian tersebut (biasanya waris lelaki dalam sesebuah keluarga) untuk membuat pertimbangan. Waris wanita berkemungkinan mempunyai peluang ke atas harta seperti barang kemas namun kaum lelaki juga boleh menuntut hak yang sama banyak kerana barang-barang kemas boleh diserahkan kepada anak isteri mereka.

Meskipun secara kasarnya kelihatan agak sukar bagi kaum wanita mendapat harta yang banyak melalui pembahagian harta mengikut syarak, hukum adat dan wasiat namun rekod-rekod Pejabat Stamp Kedah pula sebaliknya menonjolkan wanita Melayu sebagai golongan yang banyak meninggalkan harta pesaka. Ini bermaksud terdapat mekanisme lain yang digunakan oleh kaum wanita (selain melalui cara pewarisan) untuk menambahkan harta mereka. Penelitian harta pesaka wanita Melayu menerusi rekod-rekod ini juga boleh dilihat berdasarkan kedudukan sosial mereka, misalnya,

perempuan-perempuan yang tergolong dalam kumpulan waris harta pesaka.

⁸²Lihat M. B. Hooker 1991. *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, (terjemahan Rohana Abdul Rahim dll.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 155-163.

harta pesaka wanita kerabat, harta pesaka isteri pembesar, harta pesaka isteri elit-elit kampung seperti penghulu dan harta pesaka rakyat biasa.⁸³

Harta Pesaka Wanita Kerabat Diraja

Pada pandangan masyarakat umum wanita kerabat diraja seringkali dilihat sebagai golongan yang mempunyai banyak harta. Dalam kebanyakan kes, ia boleh dikatakan benar. Kedudukan sosial mereka sendiri banyak memberi ruang ke arah pengumpulan harta. Hak istimewa seperti mendapat elauan kerabat diraja,⁸⁴ ampun kurnia dan peluang memohon tanah melalui jalan kerabat sebagaimana yang telah dibincangkan membolehkan golongan ini muncul sebagai tuan tanah, terlibat dalam jual beli tanah, memiliki perniagaan, mendirikan rumah-rumah kedai dan rumah sewa serta memiliki barang kemas yang banyak. Harta-harta ini diperolehi samada melalui pewarisan, ampun kurnia dan juga dibeli sendiri. Urusan pembahagian harta peninggalan golongan ini adakalanya menjadi mudah kerana sesetengah daripada

⁸³Kepentingan fail-fail Pejabat Stamp Kedah sebagai sumber kajian sejarah (termasuk sejarah wanita) pertama kali diajukan oleh Khoo Kay Jin. Lihat artikel beliau yang bertajuk “The Stamp Office Record of Kedah: A Neglected Data Base,” Persidangan Isu-Isu Pensejarahan, 17-18 Ogos, 1992, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

⁸⁴Sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen No. 104, Elauan Kerabat Diraja, mana-mana anak dan cucu Sultan Kedah berhak mendapat elauan bulanan daripada perpendaharaan negeri mengikut aturan masing-masing iaitu bakal sultan mendapat tidak lebih \$700.00 dan tidak kurang daripada \$500.00 sebulan; anak lelaki sultan mendapat elauan tidak lebih daripada \$300.00 dan tidak kurang daripada \$150.00 sebulan; anak perempuan tidak lebih \$200.00 dan tidak kurang daripada \$125.00 sebulan; dan cucu sultan (lelaki atau perempuan) mendapat tidak lebih \$100.00 dan tidak kurang \$50.00 sebulan. Elauan ini akan dibayar pada genap usia 15 tahun dan ia sama sekali tidak boleh dipindahkan atau diserahkan atau disandarkan untuk menyelesaikan hutang melainkan hutang-hutang kepada kerajaan. Setiap kerabat diraja tidak mempunyai hak mutlak ke atas elauan tersebut dan ianya boleh dimansuhkan atau dikurangkan oleh Sultan sekiranya terlibat dalam kesalahan jenayah sehingga dijatuhan hukuman bunuh, buang negeri atau dipenjarakan; atau sekiranya melanggar Enakmen No. 105, Perkahwinan Kerabat Diraja iaitu berkahwin tanpa mendapat kebenaran sultan. Enakmen Perkahwinan Diraja ini berkait dengan larangan kerajaan Kedah terhadap perkahwinan Kerabat diraja dengan dengan wanita Eropah. Lihat Enakmen Elauan Kerabat Diraja dalam G. B. Kellagher, *The Laws of the State of Kedah*, hlm. 195-196. Lihat juga, *HCO 874/1912 Kedah and Perlis Enactment: Receipt of translations of two Kedah Enactments entitled An Enactment to provide allowances for members of the Ruling House and an Enactment to define the powers of Kathis Courts respectively; SUK Kedah 2998/1349 Marriages of Kedah Ruling House Members with persons belonging to foreign nation.*

mereka meninggalkan wasiat. Keupayaan meninggalkan harta yang banyak ini secara tidak langsung memperkenan kebijaksanaan wanita kerabat mengambil peluang daripada kedudukan mereka.

Antara contoh menarik kes harta pesaka wanita kerabat ialah harta peninggalan Che Manjalara bt. Long Nara. Wanita yang merupakan isteri kesayangan Sultan Abdul Hamid ini telah mangkat pada April 1941 dalam usia 67 tahun. Beliau meninggalkan beberapa orang waris yang terdiri daripada Sultan Abdul Hamid (suami), dua orang anak lelaki dan lima orang anak perempuan. Permohonan mendapatkan surat kuasa ke atas harta Che Manjalara dibuat oleh anak perempuan beliau yang bernama Tunku Habshah. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab terdahulu, Che Manjalara merupakan seorang wanita yang sangat prihatin terhadap harta kekayaan dan bersedia mempertahankannya. Justeru itu tidaklah salah dibuat kesimpulan bahawa beliau merupakan seorang hartawan berdasarkan harta yang ditinggalkan. Harta-harta tak alih peninggalan beliau terdiri daripada beberapa bidang tanah kampung, bendang dan tanah getah di daerah Kota Setar seperti di Pengkalan Kundur, Gajah Mati, Alor Madi dan Bukit Tinggi yang kesemuanya ditafsirkan oleh Pejabat Tanah bernilai \$53,562.00.⁸⁵

Sebagai isteri sultan, Che Manjalara ternyata mengecapi kehidupan yang mewah sesuai dengan personaliti sultan sendiri yang tidak lokek berbelanja untuk anak dan isterinya yang ramai.⁸⁶ Setiap isteri dan anak-anaknya disediakan rumah penginapan

⁸⁵ SO 120/60 High Court Administration (selepas ini disebut HCA) No. 43/60 Estate Yang Teramat Mulia Che Manjalara bt. Long Nara

⁸⁶ Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 59; Untuk meneliti jumlah isteri dan anak-anak Sultan Abdul Hamid, lihat, SP 38/C/313 Chendera Mata Merdeka 31 August 1957, *Titisan Kerabat*, disusun oleh Tunku Fariddudin Haji bin Tunku Mansor, 1957, hlm. 1-7. Isu bilangan isteri dan

dan diberi segala kemewahan. Gaya hidup mewah ini dapat dilihat daripada harta-harta lain yang ditinggalkan seperti barang kemas, perkakas rumah, periuk belanga, ampun kurnia sultan berjumlah \$1,000.00 dan dua buah motokar yang kesemuanya bernilai \$6,087.00. Antara perkakas mahal yang beliau dimiliki ialah buyung perak bernilai \$300.00. Barang kemas yang berharga pula ialah sebentuk cincin berlian berharga \$1,000.00 dan kerongsang intan berharga \$800.00. Pada keseluruhannya, harta-harta Che Manjalara dalam pelbagai bentuk berjumlah \$59,649.00. Walau bagaimanapun, Che Manjalara juga meninggalkan hutang yang banyak. Keseluruhan hutang beliau berjumlah \$36,595.07. Dengan jumlah hutang tersebut, harta pesaka yang layak diwarisi hanya tinggal sebanyak \$23,053.93.

Mengimbau kembali hutang wanita kerabat secara tidak langsung mendedahkan wujudnya satu kebergantungan kepada golongan peminjam wang khususnya ceti dan tauke-tauke Cina di sekitar bandar Alor Setar untuk menampung kehidupan mewah mereka. Golongan ceti menjadi tempat wanita kerabat membuat pinjaman kerana perkhidmatan mereka yang mudah dan cepat. Perkhidmatan sebegini sangat disenangi malah semacam wujud persefahaman dan hubungan yang baik antara kedua-dua pihak yang terbukti dengan kesediaan ceti memberikan pinjaman yang besar jumlahnya kepada wanita kerabat diraja. Mutukarpen, misalnya, pernah memberi pinjaman kepada Che Manjalara dalam beberapa bon gadaian berjumlah \$63,235.00. Pada masa kematian Che Manjalara tanah-tanah yang digadaikan kepada ceti itu dianggarkan

anak-anak Sultan Abdul Hamid yang ramai ini pernah memeningkan kepala pihak Penasihat British terutamanya dalam soal memenuhi permintaan mereka mendapatkan tanah kerajaan sebagaimana yang telah dibincangkan.

bernilai \$50,000.00⁸⁷ termasuk sebidang tanah bandar seluas lebih tiga relong dengan sebuah rumah di atasnya di Padang Lepai dalam daerah Kubang Pasu yang bernilai \$35,000.00. Sehingga kematiannya, baki pinjaman yang belum dibayar berjumlah \$31,804.00. Satu lagi hutang Che Manjalara kepada Mutukarpen dibuat dalam surat hutang bertarikh 3 April 1941 berjumlah \$1,680.00 yang masih belum dibuat pembayaran balik.

Seorang lagi ceti yang memberi hutang kepada Che Manjalara ialah S. N. A. R. S. Sukalingam. Jumlah hutang kepada Sukalingam dalam surat hutang bertarikh 12 Mac 1940 ialah \$1,430.00 dan baki yang tinggal sehingga tarikh kematiannya ialah \$774.80.00. Che Manjalara juga berhutang sebanyak \$330.00 kepada seorang ceti (tidak disebut nama) dari Pekan Cina, Alor Setar dengan baki \$99.00 yang belum dibayar ketika kematiannya. Hutang-hutang lain yang dicatatkan dalam senarai harta pesaka Che Manjalara ialah hutang minyak motokar dan perkakas besi daripada dua orang Cina di Alor Setar, hutang kain sebanyak \$280.00 dengan seorang penjual kain yang bernama Muhammad, berhutang \$41.48 dengan seorang penjual kain berbangsa Cina serta berhutang sebanyak \$300.00 dengan seorang Cina berhubung harga tanah.

Menyedari jumlah harta dan juga hutang yang banyak yang bakal ditinggalkan dan yang perlu diselesaikan oleh waris, Che Manjalara bertindak meninggalkan wasiat untuk memudahkan urusan pembahagian harta dan pembayaran hutang. Ia juga bagi mengelakkan berlaku perebutan harta antara anak-anaknya. Surat wasiat ini dibuat oleh Che Manjalara pada 1940 iaitu setahun sebelum kematian beliau. Dalam surat wasiat

⁸⁷ Nilai ini tidak termasuk dua bidang tanah Tunku Habshah yang telah dijadikan sandaran hutang.

tersebut, Che Manjalara melantik Tunku Habshah sebagai wakil yang diberi kuasa ke atas harta pesaka peninggalannya. Tunku Habshah juga mempunyai kuasa mengutip segala pendapatan daripada sewa rumah,⁸⁸ tanah dan sebagainya dan bertanggungjawab menyelesaikan segala hutang piutang beliau. Hutang Che Manjalara kepada ceti dengan menggadai tanah dan rumah-rumah kepunyaan Tunku Habshah sebanyak \$10,000.00 juga disebut dalam wasiat ini. Dalam wasiat ini juga Che Manjalara menyebut semua tanah peninggalan beliau tidak boleh dijual, dihebah dan sebagainya kecuali tanah di Kanchut. Barang-barang yang boleh berubah pindah seperti perkakas rumah boleh dijual tetapi tidak boleh dilelong. Che Manjalara juga mewasiatkan rumah batu besar di Kampung Baharu, Alor Setar diwakafkan untuk anak cucunya, tidak boleh dijual, dihebah dan sebagainya. Satu permintaan penting dalam wasiat ini ialah meminta anak-anaknya “jangan bergaduh kerana harta telah sahaya bahagi dengan secukupnya” dan meminta mereka bermuafakat dalam soal pembahagian harta pesaka.

Berlawanan pula dengan contoh-contoh kehidupan mewah dan kaya raya wanita kerabat yang dikesan melalui harta pesaka masing-masing, terdapat juga wanita kerabat yang meninggalkan harta yang sedikit. Tunku Saadah binti Tunku Abdul Jalil yang meninggal dunia pada 17 April 1945 di Alor Setar, misalnya, hanya meninggalkan harta pesaka sebanyak \$1,170.00. Daripada jumlah ini, \$1,020.00 merupakan baki

⁸⁸Che Manjalara adalah antara wanita kerabat yang memiliki banyak rumah sewa. Beliau memiliki enam pintu rumah batu yang disewakan dalam Pekan Alor Setar dan beberapa pintu rumah sewa di Jalan Baharu. Kesemua rumah sewa ini dikecualikan oleh sultan daripada hasil pintu. Jumlah rumah sewa ini semakin bertambah. Pada 1920-an, rumah sewa beliau di Pekan Cina sebanyak tujuh pintu disewakan kepada orang-orang Cina sebanyak \$75.00 sebulan. Pada 21 Disember 1922, beberapa orang Cina telah menghantar surat petisyen kepada kerajaan meminta Che Manjalara menurunkan sewa kepada \$50.00 sebulan memandangkan kesusahan hidup akibat perniagaan yang merosot dan dengan alasan rumah-rumah baru yang lebih besar dan lebih murah sewanya semakin banyak didirikan di sekeliling mereka. Untuk perbincangan ini, lihat SMSAH, No. 10, 25 Safar 1323 (1905/06); SUK Kedah 1018/1341 *Lim So Poh & others ask for reduction of rent of houses at Jalan Pekan China belonging to Che Manjalara*.

duit kerabat diraja dan \$150.00 pula nilai kain baju. Waris yang ditinggalkan terdiri daripada Tunku Mohammed Jewa bin Sultan Abdul Hamid (suami), dua anak lelaki dan seorang anak perempuan. Permohonan mendapat surat kuasa ke atas harta pesaka Tunku Saadah telah dikemukakan oleh anak lelaki beliau bernama Tunku Baharom. Tunku Saadah tidak meninggalkan sebarang wasiat dan tiada harta kekal seperti tanah tercatat dalam senarai harta pesaka peninggalan beliau.⁸⁹

Harta Pesaka Isteri Pembesar

Golongan pembesar merupakan satu lagi kelompok yang meninggalkan harta pesaka yang banyak. Keupayaan mengumpulkan harta ini biasanya berkait rapat dengan hubungan baik dengan sultan. Harta kekayaan ini kemudiannya diwarisi oleh isteri dan anak cucu mereka sebagaimana yang kelihatan dalam kes harta pesaka Che Sufiah bt. Ibrahim. Che Sufiah ialah isteri kedua Che Muhammad Ariffin iaitu Setiausaha Sulit Sultan Abdul Hamid dan telah meninggal dunia pada 29 Januari 1936 dengan meninggalkan empat orang waris iaitu dua orang perempuan, seorang saudara lelaki dan ibunya sendiri. Permohonan surat kuasa ke atas harta pesaka Che Sufiah telah dibuat oleh iparnya, Che Muhammad Hassan bin Kerani Muhammad Arshad. Kebanyakan harta-harta milik Che Sufiah adalah diwarisi daripada harta pesaka suaminya. Meskipun suaminya meninggalkan banyak harta daripada pelbagai sumber seperti rumah dan rumah kedai di Alor Setar bernilai \$97,000.00 pada 1918, tanah bendang, wang yang dipinjamkan, peratusan tertentu dalam rumah perjudian di Alor Setar, perkongsian dalam estet getah dan perniagaan batu-bata dan berbagai lagi sumber pendapatan namun semua harta ini terpaksa dibahagi dengan isteri pertama dan

⁸⁹ EDO 262/48 Supreme Court Administration (selepas ini disebut SCA), Petition No. 347/48 Estate of

anak-anak lelaki yang lain.⁹⁰ Akhirnya anak-anak lelaki mendapat \$24,000.00 setiap seorang, isteri-isteri dan anak-anak perempuan mendapat \$12,000.00 setiap seorang.⁹¹

Harta Pesaka Wanita Rakyat Biasa

Penelitian ke atas fail-fail harta pesaka wanita biasa turut memaparkan beberapa ciri kedudukan sosio-ekonomi wanita masyarakat bawahan. Pertama, ada kelompok yang hidup dalam kemiskinan dan tidak meninggalkan harta yang banyak. Kisah mereka tidak banyak terpapar dalam rekod Pejabat Stamp mungkin kerana surat kuasa tidak dipohon disebabkan harta yang ditinggalkan terlalu sedikit atau mungkin juga pembahagian harta ini diselesaikan melalui permuafakatan antara waris yang terbabit. Dalam pada itu terdapat juga wanita rakyat biasa yang meninggalkan harta yang banyak untuk diwarisi oleh anak-anak, suami, ibu bapa atau adik beradik mereka. Kedua, meskipun sesetengah harta diperolehi secara pewarisan namun wanita Melayu juga berjaya menambahkan bilangan harta mereka samada dengan usaha sendiri iaitu dengan mempelbagaikan kegiatan ekonomi mahupun melalui usahasama suami isteri. Ada yang menjalankan peniagaan barang-barang kemas secara hutang, menyewa dan memajakkan tanah melalui sistem jual janji mahupun padi kunca.⁹² Usaha ini bukan sahaja membawa kebaikan kepada diri mereka malah untuk seisi keluarga melalui harta-harta yang kemudiannya diperturunkan kepada waris-waris.

Tunku Saadah binti Tunku Abdul Jalil.

⁹⁰ SO 72/58 HCA No. 24/58 Estate of Che Sufiah bt. Ibrahim.

⁹¹ Lihat juga perbincangan Khoo Kay Jin, "The Stamp Records of Kedah," hlm. 16

⁹² Lihat Datuk Abdul Majid Mohamed 1982. *Gerakan Kerjasama di Tanah Melayu dan Seberang Laut*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, bab 4. Jual janji merujuk kepada keadaan di mana tanah dijual kepada orang yang memberi hutang selama beberapa tahun kemudian si berhutang menyewa semula tanah itu dengan bayaran padi sehingga hutang selesai dibayar. Geran tanah akan diserahkan sebagai cagaran. Jika hutang tidak dapat dilangsangkan dalam tempoh yang ditetapkan, tanah itu akan berpindah tangan kepada si pemberi hutang. Dalam amalan padi kunca pula, wang biasanya dipinjam sebelum kerja-kerja

Contoh wanita berusaha menambahkan pendapatan dan harta yang sedia ada sangat jelas dalam kes harta pesaka Balkis bt. Hasan yang meninggal dunia pada 21 Disember 1936 di Pumpong dalam daerah Kota Setar.⁹³ Orang yang menuntut kuasa ke atas harta pesaka ini ialah suami beliau. Balkis meninggalkan harta pesaka bernilai \$3,950.00 yang terdiri daripada harta tak alih iaitu tiga bidang tanah bendang di Suka Menanti bernilai \$261.00 dan barang-barang kemas bernilai \$1,645.00. Antara barang-barang kemas yang dimilikinya termasuk paun Istanbul beserta rantai, loket intan, gelang tangan emas, gelang kaki, cincin intan, subang berlian, cincin emas, rantai tangan dan kerongsang berantai emas. Barang kemas yang paling berharga yang beliau miliki pula ialah dua pasang subang berlian yang bernilai \$500.00. Harta pesaka Balkis yang lain ialah perkakas rumah dan kain baju yang bernilai \$215.60, enam orang yang berhutang barang-barang emas bernilai \$1,010.00, duit tunai berjumlah \$800.00 dan duit sewa tanah yang ada di tangan Yaakob dan Abdullah bernilai \$19.00.

Harta Balkis mungkin tidak banyak jika dibandingkan dengan kes-kes lain yang akan dibincangkan. Namun apa yang penting di sini ialah kegigihan dan kebijaksanaan beliau mempelbagaikan sumber pendapatan. Balkis giat bermiaga barang kemas secara hutang kepada orang kampung. Barang-barang kemas ini diperolehi secara berhutang daripada seorang Cina bernama Ying Pua Ee. Balkis juga menyewakan tanahnya dan mengamalkan sistem padi kunca yang mana antara penyewanya termasuk juga kaum lelaki. Kedudukan kewangan yang baik ini dapat dilihat dari jumlah wang tunai yang dimiliki semasa kematiannya kerana secara umumnya amat jarang sekali wanita biasa

bersawah dimulakan dengan menjual padi yang dijangkakan akan dituai dalam masa lima atau enam bulan berikutnya.

⁹³ SO 83/55 HCA No. 14/55 *Estate of Balkis bt. Haji Hassan.*

meninggalkan wang tunai yang banyak. Wang tunai ini merupakan pendapatan daripada perniagaan beliau. Usaha gigih Balkis dalam sektor ekonomi ternyata membolehkan beliau hidup mewah. Beliau memiliki sebuah motokar dan sebuah rumah, satu perkara yang tidak mampu diperolehi oleh wanita biasa yang lain waktu itu.

Usaha dan kepintaran mengumpul pendapatan adakalanya membolehkan kaum wanita melakukan banyak kebaikan untuk dirinya. Selain menikmati kehidupan yang lebih baik seperti Balkis, sesetengahnya mampu mengumpulkan wang untuk membiayai perjalanan haji seperti Che Sara yang meninggalkan harta pesaka berjumlah \$2,880.00.⁹⁴ Harta pesaka ini dituntut oleh anak lelakinya. Che Sara meninggalkan wang sewa tanah bendang sebanyak \$40.00 yang ada di tangan orang lain. Selain itu \$600.00 yang diperuntukan sebagai tambang untuk ke Mekah dipegang oleh Jusoh bin Chik. Beliau juga berhutang harga tanah sebanyak \$120.00 kepada Bahari bin Abdullah. Daripada analisis ini jelas menunjukkan Che Sara merupakan seorang usahawan dalam ertikata waktu itu iaitu menyewakan tanah-tanahnya dan mempunyai orang-orang tertentu yang bertindak sebagai wakil mengutip wang sewa tanah malah membeli tanah (meskipun terpaksa berhutang) daripada orang lain sebagai menambahkan harta yang sedia ada.

Sharifah Rokiah meninggalkan harta pesaka berjumlah \$13,330.00.⁹⁵ Harta-hartanya terdiri daripada tanah getah dengan keluasan melebihi lapan relong di

⁹⁴ SO 50/60 HCA No. 12/60 *Estate of Che Sara bt. Haji Yahya.*

⁹⁵ EDO 65/47 SCA Petition No. 58/46 *Estate of Sharifah Rokiah bt. Syed Ahmed.* Sharifah Rokiah meninggal dunia pada 2 Jun 1943. Lihat juga SO 86/87 HCA No. 55/87 *Estate of Som bt. Lebai Yusus.* Som meninggal dunia pada tahun 1943 di Kuala Nerang. Kes ini merupakan satu lagi contoh wanita hidup

Pengkalan Kundor dalam daerah Kota Setar yang bernilai \$3,300.00, tanah bendang yang melebihi 13 relong yang bernilai \$800.00 dan tanah kampung 187 jemba yang bernilai \$1,500.00. Kesemua harta tak alih ini dianggarkan bernilai \$5,600.00. Beliau juga memiliki sebuah rumah batu bernilai \$6,000.00, sebuah rumah papan bumbung perak \$1,000.00, perkakas rumah bernilai \$200.00, kain baju bernilai \$50.00, dua buah teksi bernilai \$60.00, padi satu kunca bernilai \$20.00 dan barang-barang kemas bernilai \$400.00. Berdasarkan harta-harta yang dimiliki dan juga nilai barang-barang kemas, harga rumah dan perkakas rumah sangat jelas wanita ini seorang yang kaya raya.

Teh bt. Mat Kalu pula meninggalkan beberapa bidang tanah yang diperolehi melalui pewarisan dan ada yang dibeli sendiri.⁹⁶ Namun tanah yang diwarisi daripada arwah suaminya itu sebenarnya merupakan harta syarikat mereka suami isteri. Semua tanah di bawah namanya bernilai \$4,250.00 sementara nilai keseluruhan harta pesakanya ialah \$10,324.00. Ini termasuklah harta-harta lain seperti sebuah rumah papan dan sebuah jelapang padi yang di bina di atas tanah arwah suaminya yang bernilai \$1,300.00. Teh juga mendapat bahagian tertentu daripada harta pesaka suaminya berjumlah \$2,889.50. Hasil kesenangan hidup yang diperolehi melalui penglibatan dalam penanaman padi, Teh mampu memiliki barang perhiasan mewah seperti sepasang kerongsang emas berharga \$1,500 meskipun wang tunai semasa kematiannya hanyalah sebanyak \$50.00.

senang berdasarkan tanah yang dimiliki, ternakan untuk usaha pertanian dan nilai kain baju yang dimiliki agak tinggi pada waktu itu. Harta-hartanya terdiri daripada beberapa bidang tanah bendang, kampung dan getah di daerah Tualang dan Jabi yang kesemuanya bernilai \$13,350.00, dua ekor kerbau bernilai \$600.00, dua buah rumah papan bernilai \$1,500.00 dan kain baju bernilai \$200.00. Keseluruhan harta pesaka Som berjumlah \$15,550.00.

Safiah bt. Senik meninggalkan harta pesaka sebanyak \$6,134.70 setelah ditolak belanja kematian sebanyak \$148.30. Dua bidang tanah bendang di Pengkalan Kundor dan Sala Kechik, kedua-duanya terletak dalam daerah Kota Setar, diperolehi melalui warisan harta pesaka (10/45 bahagian dan 1/2 bahagian). Sementara dua bidang tanah bendang dan kampung di Pengkalan Kundor diperolehi dengan dibeli sendiri. Kesemua empat bidang tanah ini bernilai \$4,000.00. Safiah juga meninggalkan barang-barang kemas emas yang berjumlah \$575.00, kain baju bernilai \$400.00 iaitu satu jumlah yang agak besar bagi wanita di perdesaan, duit tunai sebanyak \$180.00, perkakas rumah dan lain-lain barang yang bernilai \$244.00. Beliau juga mempunyai sebuah rumah dan jelapang padi di Pengkalan Kundor yang kesemuanya bernilai \$500.00 di atas tanah pesaka dan padi tujuh kunca tujuh nalih bernilai \$384.00.⁹⁷ Melihat kepada nilai barang kemas dan pakaian yang beliau ada, Safiah juga menikmati kesenangan hidup hasil daripada kegiatan pertanian.

Secara keseluruhannya, penelitian ke atas rekod-rekod harta pesaka mengesahkan hakikat wanita sebagai pengusaha dan pemilik tanah. Sesetengah daripada harta tersebut sebenarnya merupakan harta syarikat suami isteri. Misalnya, harta pesaka Embon bt. Chain alias Embon bt Haji Hussain, yang meninggal dunia pada 3 Februari 1946 di Kampung Wat, Mukim Lepai, Kota Setar hanyalah bernilai \$1,305.00. Embon tidak meninggalkan tanah untuk diwarisi sementara harta lain yang berjumlah \$1,110.00 sebenarnya merupakan harta syarikat dengan suaminya. Antara harta-harta syarikat dengan suaminya ialah dua ekor kerbau bernilai \$310.00, padi enam

⁹⁶ SO 7/87 HCA No. 14/86 *Estate of Teh bt. Mat Kalu*. Teh meninggal dunia pada 17 September 1940 dan permohonan menuntut kuasa ke atas harta pesaka dibuat oleh anak lelakinya.

⁹⁷ SO 48/87 HCA No. 23/87 *Estate of Safiah bt Senik*. Safiah meninggal dunia pada 1943.

kunca bernilai \$720.00 dan kayu-kayu perkakas rumah bernilai \$80.00. Jadi harta ini setelah ditolak 1/2 bahagian hanyalah berjumlah \$555.00. Harta-harta yang diperolehi daripada hasil usahanya sendiri terdiri daripada seekor kerbau berharga \$20.00, padi empat kunca \$450.00, kain baju \$20.00 dan barang emas bernilai \$50.00 Embon ternyata bergantung hidup kepada penanaman padi. Oleh kerana beliau tidak memiliki tanah dipercayai padi berjumlah 10 kunca yang dimilikinya itu adalah usaha beliau suami isteri dan juga usaha sendiri melalui sewa bendang. Embon meninggalkan lima orang waris termasuk suami tetapi yang memohon kuasa di mahkamah ke atas harta pesakanya ialah bapanya. Bapa Embon memohon mendapatkan kuasa ke atas harta pesaka itu dengan hasrat untuk menuntut harta syarikat Embon daripada suaminya (yang masih hidup) dengan alasan harta-harta itu diperolehi menerusi usahasama anak dengan menantunya. Ringkasnya beliau menuntut hak anak perempuannya dalam harta syarikat tersebut.⁹⁸

Hajah Misah bt. Haji Mohamad merupakan satu lagi contoh wanita Melayu yang gigih menambahkan jumlah harta yang dimiliki. Ditinjau dari taraf kehidupan di kampung, Misah boleh dianggap mempunyai kehidupan yang agak senang jika dilihat dari nilai rumah dan harta tak alih yang dimilikinya. Malah dengan harta benda yang dimilikinya, Hajah Misah mampu menuaikan ibadah haji di Mekah. Beliau meninggalkan banyak tanah, antaranya, kebun getah 10 bidang berjumlah 63 relong di Kulim. Tanah-tanah ini merupakan harta pesaka bapanya yang mana beliau mendapat

⁹⁸EDO 75/48 SCA Petition No. 38/48 Estate of Embon bt. Chain alias Embon bt. Haji Hussain. Untuk kes harta pesaka wanita yang menunjukkan ada harta syarikat dengan suami (yang masih hidup atau telah meninggal dunia), lihat antaranya, EDO 196/48 SCA Petition No. 257/48 Estate of Kama bt. Yasin alias Kamah bt Yassin. Orang yang membuat permohonan surat kuasa ke atas harta pesaka Kama ialah

4/6 bahagian. Nilai kesemua tanah getah tersebut ialah \$7,485.00. Misah juga memiliki bendang seluas kira-kira 26 relong di Kota Kuala Muda yang diperolehi melalui usaha sendiri dengan harga \$4,200.00. Harta-harta lain ialah sebuah rumah papan atap genting berharga \$2,000.00 dan dua buah rumah atap nipah dengan keduanya bernilai \$540.00. Jadi jumlah harta pesaka Misah ialah \$14,025.00 iaitu setelah ditolak belanja kematian sebanyak \$200.00. Perbelanjaan untuk urusan pengkebumian di kalangan rakyat biasa adalah antara \$30.00 hingga \$100.00. Belanja kematian yang agak tinggi bagi taraf orang kampung waktu itu juga membuktikan Misah mempunyai kehidupan senang meskipun gambaran yang berlainan diberikan oleh anak lelaki yang membuat permohonan mendapatkan kuasa ke atas harta pesaka tersebut. Dalam surat kepada Pejabat Stamp Kedah bertarikh 11 April 1949 berhubung pertanyaan pejabat itu tentang harta boleh pindah milik Misah, anaknya menjelaskan **bahawa** ibunya itu semasa hayatnya duduk dirumah mereka berdua adik beradik, “ia duduk ber-ulang pergi mari, begini-lah ke-adaan si-mati itu sa-hari-hari, sampai ia meninggal dunia dan yang ada pun kain-baju burok2 habuan bersalin ia dan-lagi masa JEPUN, tuan ter-lebeh maalum.”⁹⁹ Masalah paling ketara dalam permohonan ini ialah **perbezaan nilai harta pesaka yang dimasukkan ke dalam affidavit.** Nilai yang dicatat oleh anak lelaki Misah ialah \$9,300.00 sedangkan nilai yang dikeluarkan oleh Pejabat Pemungut Stamp ialah \$14,000.00.

Penilaian yang berbeza antara waris yang membuat permohonan dengan Pejabat Stamp merupakan perkara yang agak lumrah berlaku dalam kebanyakan kes tuntutan

suaaminya; SO 17/59 HCA No.72/58 Estate of Supiah bt Matt Shah. Anak lelaki Supiah yang membuat permohonan surat kuasa ke atas harta pesaka tersebut.

⁹⁹EDO 248/48 SCA Petition No. 322/48 Estate of Haji Misah bt. Haji Mohamad alias Haji Napisah.

harta pesaka. Hal ini menimbulkan kerumitan dalam menilai harta pesaka si mati terutama jika si mati meninggalkan harta yang banyak. Masalah ini muncul apabila ada harta-harta yang tidak dimasukkan dalam permohonan surat kuasa samada disebabkan pemohon atau waris tidak menyedari wujudnya harta-harta tersebut atau sengaja tidak dimasukkan untuk mengelakkan membayar komisyen kepada Pejabat Stamp. Pejabat Stamp biasanya boleh mengesan harta-harta tersebut dengan bantuan Pejabat Tanah. Kerumitan dalam pengiraan ini lebih kerap berlaku bersangkutan harta-harta boleh alih seperti perkakas rumah, barang kemas dan sebagainya. Pejabat Stamp mengalami kesukaran untuk mengesan harta-harta boleh alih ini kerana sesetengahnya wujud tanpa sebarang surat bukti. Kecuali surat-surat perjanjian hutang, pengisytiharan harta seperti wang tunai, barang kemas, pakaian dan perkakas rumah banyak bergantung kepada keikhlasan waris-waris si mati.¹⁰⁰ Masalah seperti ini melambatkan proses memberi kuasa kepada pihak yang membuat tuntutan ke atas harta pesaka tersebut. Sebagai contoh, pihak Pemungut Stamp menghadapi masalah dalam menentukan jumlah harta pesaka dua orang wanita iaitu Che Selamah bt. Kerani Mydin dan Che Sufiah Ibrahim. Kedua-dua mereka ialah isteri kepada Che Mohd. Ariffin (Setiausaha sultan) yang masing-masing mendapat habuan yang sama banyak daripada harta peninggalan suami mereka. Pastinya hal ini memeningkan pihak berkuasa yang berkenaan kerana beberapa

¹⁰⁰Masalah percanggahan dalam pengiraan harta pesaka lebih rumit di kalangan kerabat diraja lelaki. Ini kerana mereka merupakan kelompok yang meninggalkan harta pesaka dan hutang yang banyak samada di dalam negeri Kedah mahupun di luar Kedah khususnya di Pulau Pinang. Lihat misalnya, SO 53/57 HCA No. 30/57 *Estate of H.H. Tunku Dumsheik bin Tunku Ibrahim*. Dalam kes harta pesaka ini berlaku kesilapan dalam pengiraan. Pengiraan oleh pejabat Pemungut Stamp mendapati harta pesaka Tunku Dumsheik berjumlah \$425,129.66 iaitu harta pesaka di Kedah dan di Pulau Pinang dan bukannya \$369,118.55 dan jumlah hutang \$90,637.44 dan bukannya \$34,626.33. Untuk meneliti kes-kes harta yang tertinggal daripada dimasukkan ke dalam senarai harta pesaka dan pembetulan yang terpaksa dibuat dalam pengiraan harta pesaka golongan kerabat, lihat, kes harta pesaka Sultan Abdul Hamid yang terdapat dalam fail, EDO 98/46 SCA No. 12/87; EDO 61/48 SCA No. 12/87 dan SO 30/87 *Estate of DYMM Almarhom Sultan Abdul Hamid Halimunshah*; SO 36/53 HCA No. 14/53 *H.H. Tunku Ibrahim ibni Sir Abdul Hamid*; SO 117/59 HCA No. 53/59 *Estate of H.H. Tunku Mahmud*.

kali pembetulan dalam pengiraan terpaksa dibuat malah pihak kadhi juga dirujuk berhubung pembahagian cara Islam untuk seorang lelaki yang meninggalkan dua orang isteri dan beberapa orang anak. Untuk kes tuntutan harta pesaka Che Selamah yang dituntut oleh anak lelakinya, jumlah yang dimasukkan dalam affidavit ialah \$6,000.00 sahaja sedangkan pihak Pemungut Stamp mendapati bahagian si mati ke atas harta pesaka suaminya berjumlah \$12,000.00.¹⁰¹

Wanita bukan sahaja muncul sebagai pemilik harta malah turut mempamerkan kebijaksanaan dalam mentabdir harta pesaka yang bakal ditinggalkan. Wasiat mungkin kurang popular dikalangan wanita biasa namun ada juga yang menggunakan wasiat sebagai jalan terakhir untuk mengelakkan perebutan harta pesaka dan mengelakkan penipuan dalam sebarang urusan pemindahan harta mahupun jual-beli. Kes harta pesaka Che Munah bt. Mohd Salleh, seorang wanita biasa, mempamerkan ciri-ciri yang hampir sama dengan Che Manjalara. Persamaan ini boleh dilihat daripada sikap berhati-hati dalam menjaga hartanya untuk mengelakkan pembahagian yang tidak samarata antara waris. Menjngkakan akan timbul masalah dalam pembahagian harta selepas kematiannya, Che Munah bertindak membuat wasiat, suatu perkara yang kurang diberi perhatian oleh golongan rakyat biasa waktu itu. Che Munah meninggal dunia pada 10 Oktober 1937 dengan meninggalkan harta pesaka sebanyak \$5,960.58. Harta ini meliputi tanah kampung, bendang, sebuah rumah papan, sebuah rumah kedai, sedikit kain baju dan barang emas. Orang yang membuat permohonan mendapatkan kuasa ke atas harta tersebut ialah suaminya.

¹⁰¹Lihat, SO 29/58 HCA 3/58 Estate of Che Selamah bt. Kerani Mydin alias Mohd. Sidin dan SO 72/58

Che Munah telah menyiapkan surat wasiat di hadapan beberapa orang saksi pada 17 November 1931 iaitu enam tahun sebelum beliau meninggal dunia. Dalam wasiatnya, Che Munah menyerahkan dua bidang tanah bendang dan kampung yang terletak dalam daerah Jitra kepada Ibrahim bin Bab (anak saudaranya) yang tinggal di Jalan Limpong Kapal, Alor Setar dan kepada Siti Hawa bt. Mohd. Salleh, sepupunya yang tinggal di Mukim Sanglang, daerah Kubang Pasu. Che Munah juga telah memberikan wang tunai kepada waris-waris lain yang berhak mendapat bahagian daripada harta pesaka itu sambil memberi peringatan kepada waris-warisnya agar tidak membuat sebarang tuntutan ke atas tanah-tanah yang telah diserahkan kepada Ibrahim dan Siti Hawa kerana dia telahpun berwasiat kepada kedua-duanya (Ibrahim dan Siti Hawa). Kesemua hartanya diserahkan kepada mereka kerana ‘saya ini tiada ada anak laki-laki dan perempuan seorang pun hanya anak-anak penakan dan saudara pupu demikianlah wasiat saya.’¹⁰² Kewujudan surat wasiat selama enam tahun sebelum beliau meninggal dunia membayangkan kesungguhan dan keprihatinan Che Munah terhadap soal harta dan masa depan keluarga terutamanya bagi membolehkan saudara mara beliau menikmati hasil titik peluhya selama ini.

Wanita Mempertahankan Harta dan Menuntut Harta Syarikat

Tuntutan harta pesaka oleh wanita Melayu secara tidak langsung menunjukkan golongan tersebut tidak pasif terhadap sebarang perubahan. Golongan ini ternyata amat menjaga hak mereka ke atas harta peninggalan waris malah sanggup membuat aduan untuk mendapatkan hak ke atas harta sepencarian suami isteri dan mempertahankan harta waris dan harta syarikat daripada jatuh ke tangan orang lain. Wanita Melayu

Kedah juga tidak teragak-agak menghantar surat petisyen kepada pihak yang difikirkan perlu apabila merasakan hak mereka ke atas harta tersebut terancam. Walaupun setengah kes yang dibincang berikut tidak dapat dipastikan kesudahannya kerana tidak dapat dikesan dalam fail-fail mahkamah, namun pemaparan kes-kes ini dapat menunjukkan wanita Melayu Kedah amat menyedari tentang hak mereka dan berusaha untuk mendapat perlindungan undang-undang negeri.

Salah satu contoh tuntutan harta syarikat boleh dilihat dalam kes aduan Eshah alias Hatijah bt. Mat Saman, isteri Haji Dahman bin Penghulu Hassan. Kes ini juga merupakan satu contohkekayaan keluarga penghulu dalam institusi kampung yang meletakkan golongan ini di kedudukan yang tinggi berbanding rakyat biasa. Eshah membuat surat sumpah berhubung harta pesaka suaminya dan memohon mahkamah memasukkan perkataan “syarikat” di atas harta pesaka itu. Orang yang meminta kuasa ke atas harta pesaka tersebut sebenarnya anak lelaki Haji Dahman yang bernama Long. Namun apabila senarai harta pesaka dikeluarkan oleh Pejabat Stamp, Eshah mendapati “habuan syarikat saya tiada permasuk dan benda-benda yang tiada kepada saya di-permasuk-kan”. Justeru itu beliau mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk memasukkan perkataan “syarikat” di dalam harta pesaka itu kerana “harta pesaka ini mendapat lepas si mati bernikah dengan saya lama-nya lebih korang 40 tahun”.

¹⁰² SO 51/57 HCA No. 25/57 Estate of Che Munah bt. Mohd. Salleh alias Maimunah bt. Abdullah.

Eshah merupakan isteri kedua Haji Dahaman. Setelah menyedari haknya cuba diabaikan oleh anak tirinya, Eshah memulakan langkah menuntut harta syarikat di Mahkamah Tinggi. Persediaan yang rapi dibuat sebelum tuntutan dikemukakan dengan menyediakan senarai harta yang menjadi harta syarikat beliau dan suaminya. Eshah juga menafikan dia memiliki wang tunai suaminya sebanyak \$840.00 seperti yang dicatat dalam senarai harta pesaka. Kesemua wang tunai \$640.00 yang ada padanya telahpun beliau serahkan kepada Long untuk belanja kematian. Eshah mendakwa wang tersebut telah dikira oleh Long sendiri bersama-sama seorang lagi anak lelaki Haji Dahman dan beberapa orang saksi termasuk ketua kampung. Perkara lain yang dibangkitkan dalam surat sumpah itu ialah tentang padi tujuh kunca tiga nalih milik Long yang disebut di dalam senarai tersebut berada di tangan Eshah. Eshah menafikan perkara ini dan menegaskan beliau tidak pernah mengambil padi daripada Long. Dalam surat sumpah itu Eshah memohon Mahkamah memasukkan harta syarikat dalam senarai harta pesaka arwah suaminya, membantalkan hal wang tunai dan padi tujuh kuncha dan “lain-lain pertolongan yang Mahkamah Besar fikir patut dan adil kerana saya seorang perempuan”.¹⁰³

Keputusan Mahkamah akhirnya berpihak kepada Eshah. Perkataan syarikat dimasukkan ke dalam semua harta pesaka Haji Dahman (1/2 bahagian dengan nama Eshah) dan pegawai yang terlibat diarahkan mendaftar semula serta mengubah hak milik semua harta syarikat itu kepada Eshah. Meskipun masalahnya selesai, Eshah tetap mengambil langkah berjaga-jaga. Dalam suratnya kepada Pemungut Hasil Stamp Kedah, beliau menuntut “salinan asal di atas surat yang dipermasokkan oleh Long bin

¹⁰³ SO 50/87 HCA No. 9/87 Estate of Haji Dahman atau Haji Abd. Rahman bin Penghulu Hassan.

Haji Dahman pada 10 Februari 1945 di atas tambahan harta simati” ekoran perintah Mahkamah Tinggi. Daripada senarai tersebut didapati banyak barang-barang kemas dan pakaian milik Eshah yang pada awal permohonan kuasa telah dimasukkan di bawah harta pesaka Haji Dahman telah dipulangkan semula kepada nama Eshah. Dalam kes ini, Eshah berjaya mendapatkan semula haknya.

Pada 27 Ogos 1923, Kiah bt. Haji Ali dari Mukim Keplu, daerah Kubang Pasu, telah menulis surat petisyen kepada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri menyatakan rasa tidak puashati terhadap keputusan Mahkamah Rayuan terhadap kesnya dengan Mohamad bin Jusoh. Mohamad telah membuat aduan di Mahkamah Jitra bahawa Kiah menduduki tanah milik beliau sedangkan menurut Kiah tanah berkenaan telah dibeli oleh suaminya dalam lelongan dan lengkap dengan surat lelong. Mahkamah Jitra memutuskan tanah itu sah menjadi milik Kiah. Mohamad yang tidak berpuashati dengan keputusan itu telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan akhirnya diputuskan tanah itu menjadi hak Mohamad semula. Setelah gagal mendapatkan semula tanahnya kerana rayuannya ditolak oleh Mahkamah Rayuan, Kiah memanjangkan perkara tersebut kepada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dengan alasan:

Mahkamah Appeal itu dengan sebab-nya ia tiada ambil pereksa di atas surat-surat keterangan itu ada dengan nama patek sendiri dan Mahkamah Jitra ada beri kuasa kepada patek ini di-atas harta pesaka Husin bin Jusoh suami patek itu dan hasil tanah ini pun patek yang dudok bayar dari-pada tahun 1327 [1909] sampai tahun 1342 [1923] ini dan pulak tanah ini bukan-lah ada tersebut di-dalam surat tangkap lelong itu dengan nama Mohamad ada tersebut di-dalam surat itu dengan nama Husin bin Jusoh suami patek ini.¹⁰⁴

¹⁰⁴SUK Kedah 134/1342 Kiah bt. Haji Ali. Re her case with Mohamad bin Jusoh, about land at Keplu.

Kiah merayu Presiden Majlis Mesyuarat Negeri mempertimbangkan kes beliau dan memohon ulang bicara di Mahkamah Rayuan kerana “patek tiada puashati masa bichara dahulu itu ia tiada ambil pereksa dengan halusi di atas segenap perkara dan sepeya terlepas patek dari-pada terinaya”. Kiah akhirnya dibenarkan membuat rayuan di mahkamah.

Yah bt. Md. Hassan dari Mukim Sungai Limau dalam daerah Yan pula menghantar surat petisyen pada 11 Oktober 1927 berhubung harta syarikat dengan suaminya.¹⁰⁵ Yah mengadu sewaktu berkahwin suaminya tidak mempunyai apa-apa harta. Setelah berkahwin Yah telah membeli sekeping tanah bendang dengan wangnya sendiri. Daripada hasil tanah bendang itu, mereka suami isteri bermuafakat membeli sekeping tanah lagi. Apabila suaminya mati, anak tirinya menguruskan soal minta kuasa ke atas harta pesaka tersebut untuk Yah. Malang sekali apabila surat kuasa diterima barulah diketahui bahawa harta syarikat beliau dengan suaminya telah dimasukkan ke dalam senarai harta pesaka sebagai harta tidak bersyarikat.

Menyedari penyelewengan tersebut, Yah telah menemui Pegawai Daerah Yan dengan membangkitkan dua perkara. Pertama, berkenaan anak tirinya dan Haji Hamid, orang yang menjamin kuasa itu, telah mengambil wang Yah sebanyak \$100.00 untuk perbelanjaan menguruskan hal-hal mendapatkan kuasa sedangkan perbelanjaan sebenar hanyalah \$60.50. Kedua, tentang harta syarikat beliau dan arwah suaminya. Untuk perkara-perkara tersebut Yah dinasihatkan membuat aduan dan semasa perbicaraan

¹⁰⁵ SUK 1161/1346 Petitions regarding her share in the land owned by her deceased husband, Saaid bin Mat Ariff.

Pegawai Daerah mengarahkan kedua-dua lelaki berkenaan membayar baki wang sebanyak \$39.50 kepada Yah. Berkenaan harta syarikat pula, Pegawai Daerah membuat keputusan bahawa perkara itu tidak dapat dipertimbangkan. Yah kemudiannya membuat aduan di Mahkamah Tinggi Kedua pada 16 Ogos 1927. Pada 30 September 1927, Pegawai Daerah sekali lagi memberitahunya bahawa aduannya itu tidak boleh disemak semula kerana sudah terlalu lama berlaku. Yah tetap tidak berputus asa dan jalan terakhir ialah membuat aduan kepada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri untuk mendapatkan balik harta syarikatnya. Namun usahanya itu tidak berhasil kerana jawapan yang diterima tetap menyebelahi keputusan Mahkamah.

Satu lagi kes pengaduan wanita yang tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah dapat dilihat dalam petisyen oleh Puteh bt. Haji Ahmed dari Mukim Limpong, daerah Kota Setar berhubung harta pesaka abangnya. Puteh sebenarnya telah beberapa kali menghantar surat petisyen kepada kerajaan kerana tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah berhubung aduannya. Dalam petisyennya bertarikh 16 Januari 1925, Puteh mendakwa kes beliau gagal diberi pengadilan yang setimpal oleh kerajaan negeri. Aduannya adalah berhubung harta pesaka abangnya, Haji Mat Said bin Haji Ahmad. Haji Mat Said meninggalkan dua orang waris iaitu Puteh yang memegang kuasa ke atas harta pesaka tersebut dan seorang anak perempuan Haji Mat Said bernama Meriam yang baru berusia sembilan tahun. Puteh mengadu semasa Mahkamah Langgar mengeluarkan notis untuk memberi kuasa kepadanya, tiada sesiapa yang membuat bantahan. Oleh kerana beliau sendiri tidak mempunyai pengalaman dalam urusan mendapatkan surat kuasa dan tidak memahami proses mahkamah, segala urusan tersebut diuruskan oleh Ahmad bin Ali yang juga menjadi penjamin terhadap

urusan pembahagian harta pesaka tersebut.¹⁰⁶ Sebulan selepas pembahagian harta dibuat, Ahmad datang meminta wang sebanyak \$30.00 daripada Puteh. Puteh enggan memberikan wang tersebut dengan alasan beliau telahpun membayar upah kepada Ahmad kerana membantu urusan permohonan dan pembahagian kuasa. Ahmad kemudiannya mengugut untuk mengemukakan kepada mahkamah surat hebah Haji Mat Said berhubung sekeping tanah bendang kepada Meriam, anak perempuan si mati. Berkenaan surat hebah, Undang-Undang Tanah 1913 (1332) menyebut jika seorang tuan tanah telah menghebah tanahnya kepada orang lain dengan mengikut syarat-syaratnya iaitu ada saksi dan dibuat semasa sihat, surat hebah itu bolehlah didaftarkan di Pejabat Tanah. Setelah proses ini selesai, orang yang membuat surat hebah itu boleh menjual atau menggadai tanah itu jika dia suka tetapi sebelum itu Pengarah Pejabat Tanah harus menyiasat keadaan orang yang membuat hebah itu. Jika surat hebah dibuat semasa sedang sakit, Pengarah Pejabat Tanah boleh kaveat tanah berkenaan bagi menghalang orang yang memegang surat hebah menjual atau menggadai tanah tersebut.¹⁰⁷

Ahmad membawa Meriam ke Mahkamah Rendah Alor Setar untuk menuntut hebah tanah tersebut tetapi ditolak oleh mahkamah kerana surat hebah itu dibuat tanpa pengetahuan waris yang lain dan juga dibuat semasa Haji Mat Said sedang sakit tenat. Yah, isteri Mat Said (ibu Meriam) membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Kedua yang kemudiannya membuat keputusan membenarkan surat hebah itu digunakan (dianggap sah). Oleh kerana tidak berpuas hati dengan keputusan ini Puteh telah membuat rayuan

¹⁰⁶ *SUK Kedah 1535/1343 Puteh bin Haji Ahmad. Her case with Meriam about a certain property of Haji Mat Said bin Haji Ahmad, deceased.*

¹⁰⁷ *K/PUI Kedah Enactment 1332 (1913)* Undang-Undang Tanah bagi tahun 1332.

ke Mahkamah Tinggi tapi keputusannya tetap sama iaitu surat hebah itu dianggap sah. Sebagai jalan keluar Puteh membuat pengaduan kepada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri tetapi tidak dapat dipastikan selanjutnya apakah kesudahan kes ini kerana penelitian ke atas fail-fail Pejabat Setiausaha Kerajaan dan fail mahkamah tidak menemui sebarang keputusan tentang kes tersebut.

Walau bagaimanapun, penelitian ke atas surat petisyen yang dihantar oleh Puteh membayangkan beberapa perkara tentang wanita Melayu Kedah. Pertama, golongan ini bersungguh-sungguh mempertahankan hak mereka. Kedua, mereka bijak dan sentiasa bersedia dengan berbagai alasan sebelum sesuatu surat petisyen dihantar. Surat petisyen daripada Puteh, misalnya, jelas menunjukkan wanita ini membuat penelitian yang mendalam sebelum membuat rayuan kepada kerajaan. Puteh menganggap wujud permuafakatan antara Ahmad, Hj. Mat Hassan dan Awang Kechik untuk membuat surat hebah bagi membantu isteri Hj. Mat Said. Ketiga, berlaku penipuan dalam kes ini malah Puteh menganggap surat hebah yang dikemukakan adalah palsu kerana surat tersebut tidak pernah ditandatangan oleh Hj. Mat Said. Sebaliknya surat itu ditandatangani oleh Haji Mat Hassan yang mengaku dirinya sebagai Hj. Mat Said. Pengakuan ini dibuat di hadapan kerani yang menulis surat hebah sementara Awang Kechik pula bertindak sebagai saksi. Apabila mahkamah mengarahkan pihak polis membuat siasatan kes ini, Puteh membawa saksi-saksinya iaitu kerani yang menulis surat hebah itu beserta dua orang saksi lain. Ketiga-tiga mereka mengesahkan berlaku penipuan dalam tandatangan tersebut. Puteh juga mendakwa pihak Mahkamah telah melakukan kesilapan apabila gagal meneliti tandatangan orang berkenaan. Tandatangan sebenar abangnya ialah "Hj. Mat Said bin

Haji Ahmad sign di dalam surat hebah palsu itu Hj. Said bin Hj. Ahmad jadi korang satu hurof”.

Apabila pihak polis membuat bandingan tandatangan tersebut, keputusannya bahawa kes itu masih menyebelahi pihak yang didakwa dengan alasan bukti yang dikemukakan oleh Puteh tidak kukuh dan oleh yang demikian pengaduan di mahkamah tidak dibenarkan. Perkara ini membangkitkan rasa tidak berpuas hati Puteh kerana beliau yakin surat hebah itu adalah palsu. Tambahan pula beliau yang menjaga abangnya sewaktu sakit dan dalam tempoh itu, abangnya tidak pernah menyebut tentang surat hebah tersebut dan langsung tidak menyebut perkara hebah tanah itu kepada Meriam sewaktu kerani sukat tanah datang menyukat tanah. Puteh seterusnya mempertikaikan mengapa isu surat hebah itu hanya muncul selepas beliau mendapat kuasa membahagikan harta pesaka tersebut dan mengapa mahkamah tidak mengambilkira keterangan saksi-saksi termasuk orang yang menulis surat hebah tersebut yang mengesahkan berlaku pemalsuan dalam surat hebah itu. Usaha Puteh nampaknya tidak berhasil kerana kerajaan memberi keputusan yang sama dengan mahkamah bahawa kes itu tidak boleh dibicarakan kerana tidak cukup bukti.

Satu lagi kes mempertahankan hak harta keluarga dapat dilihat dalam aduan dua bersaudara, Zainab dan Siti Hawa bt. Haji Abdullah dari Mukim Naga, daerah Kubang Pasu yang tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah berhubung dengan kes harta pesaka bapa mereka. Surat petisyen kepada kerajaan bertarikh 5 Jun 1912 itu, antara lain, menonjolkan penipuan yang dilakukan bekas suami Siti Hawa yang bernama Yob yang telah mengambil geran tanah bapa mereka. Aduan Zainab dan Siti Hawa terhadap

Yob telah dibuat di Mahkamah Tinggi melalui seorang wakil. Yob kemudiannya didenda sebanyak \$50.00 dan diminta memulangkan semula surat tanah tersebut. Yob, walau bagaimanapun, membuat rayuan terhadap keputusan ini dan akhirnya menang. Zainab dan Siti Hawa tidak puashati dengan keputusan mahkamah kerana Yob telah menipu harta pesaka bapa mereka. Sebelum bercerai dengan Siti Hawa, Yob telah mengambil surat tanah daripada ibu wanita tersebut dengan alasan untuk menolong memohon surat kuasa ke atas harta pesaka Haji Abdullah untuk diserahkan kepada Zainab dan Siti Hawa. Yob kemudiannya telah menukar tanah tersebut kepada namanya dan menggadaikannya kepada seorang berbangsa Sikh dengan alasan Haji Abdullah menyuruhnya berbuat demikian sedangkan Haji Abdullah sudah meninggal dunia 25 tahun yang lalu. Apabila bercerai, Siti Hawa meminta balik surat kuasa dan surat tanah tersebut. Yob mengatakan surat-surat itu disimpan oleh penghulu Mukim Tanjung kerana beliau telah berhutang wang daripada penghulu tersebut. Yob berjanji akan memulangkan surat-surat berkenaan selepas hutang dilangsaikan kelak tetapi malangnya kedua-dua wanita itu mendapati tanah berkenaan sudah dilelong.¹⁰⁸

Penelitian ke atas fail-fail mahkamah mendapati wanita Melayu tidak pernah mendiamkan diri dalam soal mempertahankan harta pesaka dan harta-harta mereka. Malah mereka tidak teragak-agak mengheret suami ke Mahkamah untuk mendapatkan semula harta mereka. Sebagai contoh kes tuntutan Puteh bt. Haji Ismail ke atas suaminya Abdullah bin Mohamad Hassan di Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 30 November 1931 meminta dipulangkan semula barang kemas bernilai \$520.00 yang

¹⁰⁸ SUK Kedah 1912/1330 Zainab dan Siti Hawa. Teriak daripada fasal bicharanya dengan Yob perkara tanah bendang dan kampung.

masih di tangan suaminya.¹⁰⁹ Puteh, melalui wakilnya, membuat aduan di Mahkamah Besar bahawa Abdullah telah mengambil barang kemasnya iaitu rantai emas bernilai \$100.00 serta tiga kerongsang intan bernilai \$160.00 dan enggan menyerahkan semula walaupun telah beberapa kali diminta berbuat demikian. Semasa perbicaraan pada 30 November 1931, Puteh mengaku dia terpaksa membuat aduan ke atas Abdullah walaupun masih menyayanginya kerana suaminya itu telah meninggalkan beliau tanpa memberi nafkah untuk berkahwin dengan seorang wanita lain dan enggan memulangkan barang-barang kemas miliknya. Dalam hal ini, Puteh memberi dua pilihan kepada suaminya iaitu samada memulangkan barang-barang kemas tersebut atau membayar harganya yang bernilai \$520.00. Abdullah berjanji akan membayar harga barang-barang kemas isterinya itu. Beliau juga mengaku akan membayar wang sara hidup Puteh sejak ditinggalkan sebanyak \$300.00 mengikut perintah Mahkamah Syariah dan berjanji akan membawa isterinya tinggal bersama di Sungai Petani. Berdasarkan keterangan suami-isteri ini, hakim telah menjatuhkan hukuman ke atas Abdullah agar membayar harga barang kemas tersebut iaitu pada kadar \$30.00 sebulan mulai tarikh perbicaraan tersebut. Bayaran saraan hidup pula perlu dibayar sebaik sahaja bayaran pertama tadi selesai.

Kes ini tidak selesai begitu sahaja kerana Puteh sekali lagi mengadu di mahkamah bahawa suaminya tidak mengikut perintah mahkamah. Kes ini sekali lagi didengar di Mahkamah Tinggi pada bulan Mac 1932. Puteh mendakwa suaminya tidak

¹⁰⁹ *Mahkamah Tinggi Alor Setar, Civil Application No. 2/51. In the Matter of suit No. 104/50 Second Division High Court between Abdullah bin Mohamed Hassan, defendant/applicant and Puteh bt. Haji Ismail, plaintiff/respondent. The Defendant applies for an extension to lodge an appeal against the Order of Tunku Mansur Chief Malay Judge of the Second Division of the High Court Alor Setar dated 25. 11. 1350.*

pernah membayar apa-apa kepadanya sejak Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman. Abdullah pula menghujahkan sebab-sebab beliau tidak membayar hutangnya kepada Puteh kerana isterinya itu enggan mengikutnya tinggal bersama dan sebaliknya memohon cerai di Mahkamah Syariah. Alasan lain yang dikemukakan ialah gajinya tidak cukup untuk membayar \$30.00 sebulan kepada Puteh. Hakim akhirnya, menjatuhkan hukuman Abdullah perlu membayar \$60.00 sebulan.

Dalam kes harta syarikat Che Ne bt. Jaafar dari Mukim Kupang, dalam daerah Baling, wanita ini telah beberapa kali mengemukakan aduan ke atas suaminya, Mat Saman bin Taib.¹¹⁰ Kali pertama tuntutan harta syarikat ke atas Mat Saman dibuat di Mahkamah Rendah Baling yang kemudiannya menjatuhkan hukuman harta-harta tersebut hendaklah dibahagi dua. Kali kedua aduan dibuat kepada Pegawai Daerah Baling pada 11 Mei 1929 mengenai sekeping tanah 4½ relong yang sepatutnya dibahagi dua seperti yang diperintah Mahkamah tetapi telah dijual oleh Mat Saman kepada bapanya (mertua Che Ne). Dalam permohonan ini Che Ne memohon perjualan itu dibatalkan. Dalam perbicaraan yang diadakan pada 1 Jun 1929, Che Ne mendakwa beliau mempunyai hak ke atas tanah yang dijual itu memandangkan ianya merupakan harta syarikat. Perjualan itu hanya berlaku selepas beliau bercerai dengan Mat Saman dan Che Ne mendakwa ianya sebagai satu helah untuk “pelarikan” tanah itu daripada beliau sebab tanah itu atas nama Mat Saman.¹¹¹ Mahkamah akhirnya membuat keputusan membatalkan perjualan itu dan mengarahkan setengah bahagian tanah itu

¹¹⁰ *Mahkamah Tinggi Alor Setar, Civil Application No. 10/48.*

¹¹¹ Dalam pada itu terdapat juga kes-kes wanita diheret ke mahkamah berhubung harta syarikat dan sebagainya. Lihat, misalnya, *SUK Kedah 1115/1341 Mohamed Noh bin Lebai Md. Akib, Sungai Petani, 20 Mac 1923. Claim against his wife for his property.* Mohamed Noh mendakwa isterinya telah milarikan harta-harta berjumlah \$948.00 semasa beliau dipenjarakan. Harta-harta tersebut ialah sebidang tanah kebun

diberi kepada Che Ne kerana sangat jelas tanah yang dijual itu adalah tanah harta syarikat. Hakim juga percaya ia sebagai helah Mat Saman untuk mengelakkan tanah berkenaan dibahagi dua dengan isterinya.

Kerajaan Negeri juga tidak sunyi daripada menerima surat petisyen yang dihantar oleh rakyat berhubung pertelingkahan yang melibatkan wanita kerabat diraja. Kes-kes yang membabitkan wanita kerabat diraja penuh dengan kontroversi dan seringkali mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan kerana wanita kerabat tidak gentar menjawab tuduhan yang dilemparkan ke atas mereka. Misalnya, pada 24 September 1922, Jah bt. Ngah Man membuat aduan kepada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri terhadap Che Manjalara berhubung surat hebah harta-harta milik beliau. Pada 1921, Jah telah membuat surat hebah kepada Che Manjalara kerabat tersebut untuk menyerahkan tanah bendang di Jitra dan Mukim Naga dalam daerah Kota Setar dan surat perjualan di atas tanah kampung dan rumah beliau di Titi Gajah, juga dalam daerah Kota Setar. Cik Manjalara berjanji akan menjaga harta-harta tersebut sepanjang Jah tinggal bersamanya dan sekiranya Jah meninggal dunia, Che Manjalara berjanji akan menyerahkan harta-harta tersebut kepada anak lelaki Jah. Tidak lama kemudian, Che Manjalara meminta beliau membuat surat perjualan putus tanah bendang tersebut kerana menurut Che Manjalara surat hebah itu tidak begitu menyakinkan. Apabila Jah enggan berbuat demikian, Che Manjalara menjadi marah lalu menghalau beliau daripada rumah. Che Manjalara juga enggan menyerahkan (mengubah semula nama) harta-harta tersebut kepada Jah kerana menganggap tanah-tanah itu telah dijual melalui hebahan Jah kepadanya. Anak Jah juga memohon kepada Che Manjalara

getah bernilai \$600.00 yang telah digadaikan oleh isterinya kepada seorang ceti, pakaian, perabot dan

memulangkan semula harta-harta ibunya tetapi tidak berhasil. Kegagalan tersebut mendorong Jah menghantar surat petisyen kepada kerajaan memohon agar harta-hartanya dipulangkan semula.

Che Manjalara dalam jawapannya pada 16 Januari 1923 mengakui Jah membuat surat hebah tanahnya kepada beliau namun menafikan ianya dibuat secara paksaan. Beliau menulis:

Dan masa yang diperbuat hebah itu bukan kata dengan kerana Mak Jah gila atau kurang fikiran. Ia itu Mak Jah ada dengan sempurna fikiran mengikut kenyataan yang diperiksa oleh doktor bolehlah tuan ambil halusi kepada tuan District Officer Jitra dan Land Office Jitra dan lihat certificate doktor.¹¹²

Dengan menegaskan dia tidak berniat menipu wanita tersebut, Che Manjalara menegaskan:

Maka yang sebenar-benarnya Mak Jah ini dengan saya ada asing kiraan dan seberapa banyak daripada hak saya yang diambil oleh Mak Jah maka begitu juga haknya yang dihebah kepada saya. Maka di antara saya dengannya keadaan seperti anak cucu bukan orang asing.¹¹³

Selain daripada beberapa bidang tanah dan rumah diserahkan kepada Che Manjalara sepetimana yang dicatat dalam surat hebah itu, harta lain seperti perkakas rumah, padi yang dikutip daripada penyewa-penyewa tanah dan kutipan duit orang-orang yang ber hutang di merata negeri (Perak, Kedah, Perlis dan Kelang) turut diserahkan Jah kepada Che Manjalara. Hebah ini juga menyebut anak-anak dan waris-waris Jah tidak boleh menuntut harta-harta tersebut daripada Che Manjalara. Malahan jika Che

perkakas rumah.

¹¹² SUK Kedah 320/1341. Jah bt Ngah Man, Titi Gajah 24 September 1922. Petition against Che Manjalara regarding her property.

Manjalara meninggal dunia, harta-harta itu akan berpindah ke tangan anak-anak beliau sendiri. Selain daripada harta-harta tersebut, Jah turut menyerahkan barang kemas, pakaian dan perkakas rumah kepada Che Manjalara. Harta-harta ini tidak boleh dituntut oleh anak dan waris beliau samada semasa Jah masih hidup atau setelah meninggal dunia. Antara barang-barang tersebut ialah rantai leher perak, gelang tangan, beberapa bentuk cincin, subang, kain cindai, tali pinggang perak, dan bekas pinang perak. Jah akhirnya dibenarkan membuat tuntutan di Mahkamah untuk menyelesaikan perbalahannya dengan Che Manjalara. Malang sekali kesudahan kes antara rakyat biasa dan wanita kerabat ini tidak ditemui dalam penelitian selanjutnya ke atas fail-fail Pejabat Setiausaha Kerajaan dan fail mahkamah. Namun kes ini penting untuk memperlihatkan wanita rakyat biasa membuang ketakutan dan penghormatan mereka kepada golongan diraja semata-mata untuk mendapatkan semula harta milik mereka sementara wanita kerabat tetap menggunakan kebijaksanaan untuk menepis segala aduan terhadap mereka.

Penelitian ke atas rekod-rekod harta pesaka, fail Pejabat Tanah dan mahkamah jelas menunjukkan wanita Melayu sudah mempunyai pemikiran tersendiri terhadap tanah dan harta pesaka. Meskipun konsep yang dianuti itu agak longgar, misalnya menggunakan tanah untuk usaha kecil-kecilan namun konsep tanah sebagai modal sudah ada dalam pemikiran mereka. Sekiranya tidak dapat diusahakan sebagai punca rezeki, tanah itu akan dijual, dipajak, disewa atau digadai. Tanah sebenarnya merupakan lambang usaha memiliki harta oleh kaum wanita yang bukan sahaja bermatlamat menjamin masa depan diri dan keluarga malah juga untuk diwariskan

¹¹³ *Ibid.*

kepada anak cucu. Namun di sebalik kesungguhan dan keberanian menghantar petisyen demi petisyen ke Pejabat Tanah dan kepada kerajaan, kes-kes tuntutan harta juga sebaliknya mendedahkan kaum wanita sebagai golongan yang kerap menjadi mangsa penipuan berhubung urusan tanah dan pemindahan harta pesaka.